

## KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
JAWAB LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM  
DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 71)**



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A DATO'SRI AZALINA BINTI DATO'OTHTMAN SAID

TARIKH 12 APRIL 2012 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah terdapat sebarang perancangan untuk menambah keupayaan peralatan dan kelengkapan APMM bagi membendung masalah dan isu-isu yang berkaitan penyeludupan dan yang terbaru, jenayah rentas sempadan yang menjadikan Malaysia sebagai laluan keluar/masuk agar diperketatkan terutama di Johor Timur yang dilihat menjadi pilihan bukan sahaja untuk pendatang asing dari negara jiran bahkan pendatang yang datangnya dari Timur Tengah.

JAWAPAN YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang Dipertua,

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah beroperasi sejak 7 tahun yang lalu dan sebagai agensi yang baru diwujudkan, sememangnya terdapat pelbagai halangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan. Namun, dengan penuh tekad APMM telah berjaya menjaga dan mengawal keselamatan perairan Negara serta menunjukkan kewibawaan mendukung kedaulatan undang-undang. Ini terbukti dengan jumlah tangkapan dan penahanan yang tinggi sejak 7 tahun

ditubuhkan dengan beberapa kes berprofil tinggi serta mematahkan cubaan rompakan seperti berikut:

	<u>PEMERIKSAAN</u>	<u>PENAHANAN</u>
	<u>(BOT/KAPAU)</u>	<u>(BOT/KAPAD)</u>
2006	360	173
2007	4,497	691
2008	7,396	679
2009	13,598	1,037
2010	19,556	1,336
2011	21,271	898
Sehingga 21 Mac 2012	9,434	182
Jumlah Keseluruhan	76,112	4,996

Kerajaan sedang dalam proses untuk melengkapkan APMM dengan aset-aset baru bagi menggantikan aset-aset yang telah usang dan tidak kos efektif untuk diguna pakai sejajar dengan perkembangan APMM dan kedudukan kewangan Negara. Antara aset-aset baru yang diperolehi oleh APMM ialah:

- a. Enam (6) bot penyelamat yang berkelajuan 30 knot.
- b. Lapan belas (18) bot pemintas laju (FIC - ***Fast Intercept Craft***) yang berkelajuan 60 knot.
- c. Dua (2) radar mudah alih.

Di samping itu, Kerajaan juga telah dan sedang menyiapkan infrastruktur untuk menampung pengoperasian dan pentadbiran APMM dengan mendirikan pangkalan dan pos di kawasan berikut:

- (a) Pangkalan Kuala Sedili, Johor Darul Takzim.
- (b) Pangkalan Daerah Maritim 17 Sandakan, Sabah.
- (c) Pangkalan di Kuala Terengganu, Terengganu.
- (d) Pangkalan Udara di Subang, Selangor.

Selain itu, bagi memantapkan pengoperasian APMM, perancangan untuk melaksanakan perkara berikut juga sedang dilaksanakan:

- (a) Menaiktaraf dan menambahbaik Kompleks Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim, Sistem Keselamatan dan Pengawasan Laut (SWASLA) dan Pangkalan Daerah Maritim 3 Lumut, Perak Darul Ridzuan.
- (b) Penambahbaikan Sistem Keselamatan dan Pengawasan Laut (SWASLA) Selat Melaka.
- (c) Mendirikan pos hadapan di Beting Patinggi Ali Sarawak dan di Terumbu Layang-layang serta pulau-pulau yang berkepentingan.

Aset-aset yang bakal diperolehi dan pembinaan infrastruktur yang telah dijelaskan di atas adalah tidak memadai dan mencukupi untuk APMM melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai peneraju penguatkuasa maritim Negara pada masa kini. Bagi menyediakan APMM untuk terus beroperasi sebagai peneraju penguatkuasa maritim tunggal, Kerajaan sedang merancang perolehan, penambahbaikan dan penyediaan infrastruktur seperti berikut:

- (a) Pembinaan Ibu Pejabat APMM di Cyberjaya.
- (b) Pembinaan Pejabat Utama APMM Wilayah Sabah di Kota Kinabalu.
- (c) Pembinaan Pejabat Utama APMM Wilayah Utara di Langkawi.
- (d) Perolehan tiga (3) pesawat ***amphibious***.

- (e) Perolehan Light Medium Helicopter.
- (f) Mewujudkan Sistem Keselamatan dan Pengawasan Laut (SWASLA) yang merangkumi keseluruhan kawasan perairan Timur Sabah.

Sungguhpun begitu Tuan Yang Dipertua, perolehan aset-aset dan penyediaan kemudahan infrastruktur yang sedang serta akan dilaksanakan masih belum dapat melengkapkan dan memperkemaskan tahap *force level* APMM. Ini adalah kerana APMM dipertanggungjawabkan menjaga kedaulatan maritim Negara dengan menguatkuasakan undang-undang di seluruh perairan Negara yang keluasannya 614,000 kilometer persegi. Kerajaan memang peka dan proaktif akan pembangunan serta pembesaran APMM yang masih memerlukan penambahan aset dari segi kapal peronda laut dalam, pesawat, bot dan peralatan terkini serta pembinaan infrastruktur pejabat, jeti dan pangkalan udara untuk memperkukuhkan APMM sebagai agensi tunggal penguat kuasa maritim Negara.

Bagi mengawal perairan Johor Timur, sebuah radar telah dipasang di Pengerang bagi memantau pergerakan bot/kapal yang melalui kawasan tersebut. Sekiranya pemantauan melalui radar mendapati terdapat bot/kapal yang disyaki, bot-bot APMM yang berpangkalan di Tanjung Puteri dan Pos Operasi Hadapan Pengerang atau bot yang sedang meronda di kawasan berdekatan akan membuat pemeriksaan ke atas bot/kapal yang telah dikenal pasti oleh radar. Terdapat sebanyak 3 buah kapal dan 4 buah bot pemintas dengan kekuatan anggota sebanyak 88 orang ditempatkan di Johor Timur untuk memastikan keselamatan perairan di kawasan Pengerang khususnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A YB. DATO<sup>1</sup> MOHD JIDIN BIN  
SHAFEE**

**KAWASAN SETIU  
TARIKH :12 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**YB. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** mengenai status terkini Projek Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) 2 yang masih tergendala dan apakah jaminan muktamad Kerajaan agar masalah ini dapat disegerakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 Negeri Terengganu (LPT2) telah dibahagikan kepada 2 kaedah, iaitu 30% daripada keseluruhan jajaran LPT2 dilaksanakan oleh MTD Capital Berhad dan dipantau oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) manakala baki 70% lagi ditawarkan menerusi tender terbuka melibatkan 16 pakej keseluruhan di bawah

pemantauan Jabatan Kerja Raya QKR).

Sehingga 1 Mac 2012, kemajuan fizikal keseluruhan projek LPT2 ialah 77.5%. Projek tersebut telah mengalami kelewatan disebabkan terdapat 10 pakej yang perlu ditender semula setelah kontraktor asal menarik diri berikutan kesan dari kenaikan harga bahan binaan pada tahun 2007/2008. Pada masa kini kontraktor penyiap telah diantik untuk meneruskan pakej-pakej yang ditender semula itu, kecuali untuk Pakej 4 dan 7 di mana kontraktor untuk kedua-dua pakej tersebut akan diantik selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini dan projek dijangka siap dalam tempoh 24 bulan kemudian. Berdasarkan penjadualan semula, keseluruhan projek LPT2 dijangka akan siap dan dibuka sepenuhnya kepada lalu-lintas seawalnya pada pertengahan tahun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya amat memandang serius mengenai isu kelewatan pelaksanaan projek LPT2. Sehubungan itu kemajuan pelaksanaan projek ini sedang dipantau dengan teiti menerusi pelbagai platform sedia ada, seperti Mesyuarat Majlis Tindakan Negara dan Mesyuarat Mingguan Pasca Kabinet. Ini bagi memastikan kelancaran kerja-kerja di tapak dapat dipertingkatkan dan projek berkenaan dapat disiapkan mengikut jadual demi kepentingan orang ramai.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR - PAS ]

TARIKH 12 APRIL 2012 (RABU)



**SULIT**

**SOALAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan:-

- (a) apakah status Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB); dan
- (b) adakah Kementerian berpuas hati dengan prestasi STEB ini.

**SULIT**

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman, Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) masih lagi ditangguhkan pelaksanaannya.
2. Menurut kajian impak yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) terhadap 327 orang responden, 30% daripadanya mendapat hasil jualan bulanan sekitar RM1,000 hingga RM50,000, manakala 8% daripadanya telah menerima anugerah berprestasi tinggi dan 4 orang daripada usahawan tersebut sudah mencapai pasaran ke luar negara iaitu Indonesia, China, Singapura dan Brunei. Dengan pencapaian usahawan-usahawan belia tersebut, Kementerian berpuas hati dan sentiasa optimis untuk terus memberi bimbingan kepada golongan ini bagi meningkatkan lagi minat, kemahiran, keupayaan dan daya saing mereka dalam bidang keusahawanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

PERTANYAAN :           JAWAB LISAN  
DARI PADA               TUAN HAJI MATULIDI B. HJ JUSOH  
TARIKH                   12 APRIL 2012 (KHAMIS)

**SOALAN**

Tuan Haji Matulidi bin Hj Jusoh [ Dungun ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sejauh mana pemberian autonomi bagi empat buah lagi universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Putra Malaysia (UPM) selepas Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mampu menjadi institusi bertaraf antarabangsa dan berdaya saing serta cemerlang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuai dengan peredaran masa, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) harus peka dan berupaya bertindak balas dengan keperluan perubahan persekitaran yang menuntut lebih banyak ruang kebebasan untuk membuat sesuatu keputusan berkaitan dengan tonggak institusi.

Lima buah universiti telah diberi kuasa autonomi dalam usaha menjadi institusi berinovasi dan berdaya saing. Universiti yang dimaksudkan adalah

Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pemberian autonomi diberikan dalam empat bidang iaitu tadbir urns institusi; kewangan dan penjanaaan kekayaan; pengurusan sumber manusia; pengurusan akademik dan kemasukan pelajar. Ini bagi membolehkan pusat pengajian terbabit membuat perancangan sendiri dalam usaha menjadi institusi bertaraf antarabangsa. Autonomi juga akan memberikan lebih ruang/fleksibiliti kepada IPTA dalam membuat keputusan dengan lebih cepat tanpa perlu merujuk kepada Kementerian Pengajian Tinggi atau agensi pusat. Autonomi akan menjadikan IPTA lebih dinamik, kompetitif, dan mampu bersaing dalam era globalisasi masa kini.

Autonomi adalah prasyarat penting untuk mewujudkan persekitaran kampus yang dinamik melalui pengurusan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang lebih berdaya saing, kreatif dan anjal. Pemberian autonomi kepada lima universiti tersebut dibuat selepas pelaksanaan proses pengauditan bersandar kepada Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik (*Code of University Good Governance*, CUGG) yang menggunakan indeks penilaian *University Good Governance Index* (UGGI) sebagai instrumen penilaian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**  
JAWAB LISAN

PERTANYAAN DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL 12 APRIL  
DARI PAD A 2012 (KHAMIS)  
TARIKH NO. 6  
SOALAN

Dato' Abdul Manan bin Ismail (Paya Besar) minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah yang diambil dalam memastikan penyelidikan yang dijalankan di universiti-universiti dapat dikembangkan dan digunakan di peringkat yang lebih tinggi sekaligus menambah peluang pekerjaan di negara ini dan tidak hanya terhenti setakat itu sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya sentiasa berusaha agar universiti menjadi sebahagian daripada ekosistem pembangunan wilayah dengan menyebarkan hasil R&D serta harta intelek yang dikeluarkannya secara berkesan. Antara pendekatan dalam pemindahan hasil penyelidikan universiti ke industri ialah melalui penubuhan Inkubator dan pengwujudan Syarikat Terbitan Universiti-STU (*start-up company*).

Melalui Bajet 2012, peruntukan telah diberikan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) sebanyak 51 juta ringgit dan Universiti Malaya (UM) sebanyak 22 juta ringgit untuk Program Inkubator Modal Insan Inovasi yang bertujuan menjana industri, paten dan perniagaan baharu hasil- hasil penyelidikan di IPT.

Penubuhan Syarikat Terbitan Universiti-STU (*start-up company*) menunjukkan kewujudan satu ekosistem yang memberikan penekanan kepada aspek pengkomersialan di sesebuah universiti. Setiap STU yang berhasil akan melahirkan seorang usahawan atau CEO yang berjaya, menjana pendapatan tinggi untuk penyelidik berkenaan dan juga memberi pulangan kewangan kepada universiti serta memberi peluang pekerjaan kepada graduan. Sehingga 12 Januari 2012, sebanyak 106 Syarikat Terbitan Universiti telah ditubuhkan dan disasarkan sebanyak 37 buah lagi STU akan diwujudkan di kalangan Universiti Penyelidikan tahun ini.

Selain mempunyai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) dan Top Business School (TBS), kementerian juga memperkenalkan Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) dalam memperkukuhkan hubungan universiti dan industri bagi mencapai objektif kewujudan masing-masing dalam membangunkan modal insan mengikut keperluan persekitaran semasa dan mempertingkatkan usaha dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan. Untuk permulaan, empat ICoE telah ditubuhkan oleh industri iaitu ICoE Acuan Tekap bersama Miyazu, ICoE Sistem Suspensi bersama Sapura, ICoE Teknologi Proses Permulaan - Rekabentuk dan Fabrikasi Wafer bersama Infineon Technologies Kulim dan ICoE Pemasangan dan Pengujian Produk,

Pembangunan Teknologi Pembungkusan dan Kejuruteraan Aplikasi untuk Proses Hiliran bersama Infineon Technologies Melaka. Inisiatif ***Industrial Based*** yang menemukan IPT dan industri ini akan menjadi model kerjasama ampuh yang boleh diguna pakai untuk melonjakkan lagi ekonomi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Ia juga menjadi contoh terbaik kerjasama secara langsung antara universiti dan industri tanpa pihak ketiga.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARI PAD A  
PERTANYAAN

Lisan

Tuan Mohd Abdul Wahid B. Endut [Kuala Terengganu]

TARIKH

12 April 2012

SOALAN

Tuan Mohd Abdul Wahid B. Endut [Kuala

Terengganu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah kebergantungan import bahan makanan negara yang mencecah RM27.93 bilion dari bulan Januari ke Oktober tahun 2011 atau purata RM92 juta sehari

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua

1. Jumlah nilai import bahan makanan negara telah meningkat kepada RM34.45 bilion pada tahun 2011 berbanding RM30.19 bilion pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 14.1%.
2. Kementerian sentiasa serius dan komited mengenai jaminan bekalan makanan dalam negara (*food security*) kerana jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan merupakan objektif utama Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020. Melalui DAN, sektor agromakanan lebih bersedia menghadapi cabaran dan menangani krisis sekiranya berlaku kerana strategi yang digariskan telah mengambil kira faktor-faktor di peringkat global dan dalam negara seperti peningkatan harga makanan dan input pertanian, perubahan iklim, pertambahan penduduk serta persaingan dengan industri bioteknologi.



3. Untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara serta mengurangkan pergantungan kepada import bahan makanan, beberapa langkah jangka pendek dan panjang telah diambil oleh Kementerian. Pihak Kementerian telah melaksanakan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlol Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian. Selain daripada itu, tanah pertanian akan digunakan secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri.

4. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pula ditumpukan kepada R&D bagi peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antaranya bidang tumpuan R&D adalah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau.

5. Kementerian juga akan terus membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan.

6. Selain usaha daripada pihak Kerajaan, inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara memerlukan penglibatan aktif pihak swasta. Bagi menggalakkan pihak swasta untuk terus melabur dalam pengeluaran makanan, insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru di cadang diperluaskan meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan Tekun dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

**SOALAN NO: ^k  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARI PAD A**

**DATO' NORAINI BINTI  
AHMAD [ PARIT SULONG ]**

**TARIKH**

**21 MAC 2012 (RABU)**

**SOALAN**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB TANGGA BATU bertarikh 12 April 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu kaedah atau mekanisme untuk mengekang gejala negatif yang timbul akibat penyalahgunaan rangkaian sosial.

Internet merupakan satu medium komunikasi terbuka yang tidak bersempadan. Sesiapa sahaja boleh membuat laman web, blog serta mendaftar di laman-laman rangkaian sosial seperti Facebook, Twitter dan sebagainya. Dalam pada itu, kandungan atau komen-komen yang dibuat oleh para pengguna Internet di Malaysia melalui laman-laman web tersebut tidak melalui apa-apa proses tapisan, kelulusan atau pun penilaian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

### SOALAN NO: 3

Walaupun demikian, kesemua jenis kandungan rangkaian (***network content***) termasuk kandungan laman web atau rangkaian sosial di Internet adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, termasuklah juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Ini bermakna, mereka yang didapati menyalahi undang-undang tersebut boleh diambil tindakan oleh pihak berkuasa terbabit.

Selain daripada pendakwaan di mahkamah, SKMM juga akan mengambil tindakan menyekat akses kepada laman-laman web serta melakukan kempen-kempen kesedaran dari semasa ke semasa bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang isu sosial dan teknologi yang dihadapi oleh pengguna Internet.

**NO. SOALAN:8**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      LISAN  
**DARIPADA**                         DATUK MD.SIRAT BIN ABU [ BUKIT KATIL ]  
**TARIKH**                              12 APRIL 2012

**SOALAN**

Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan "rolling plan" dalam RMK-10 bagi semua negeri di Malaysia. Senaraikan juga jumlah cukai yang dibayar oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi tahun asas RMK-10. Apakah formula dan kaedah yang digunakan untuk pengagihan peruntukan pembangunan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN**

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, siling peruntukan sebanyak RM230 bilion akan disediakan oleh Kerajaan untuk melaksana projek pembangunan. Sepanjang *rolling plan* pertama dan kedua (2011 - 2013), siling peruntukan sebanyak RM147.6 bilion telah disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya memberi tumpuan dan perhatian kepada pembangunan di peringkat negeri supaya matlamat mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi di antara wilayah dan negeri dapat dicapai. Justeru, Kerajaan memberi keutamaan kepada tahap pembangunan sosio ekonomi sesebuah negeri sebagai salah satu aspek penting dalam mengagihkan siling peruntukan Rancangan

Melaysia Kesepuluh. Sehubungan itu, Sabah dan Sarawak merupakan negeri yang mendapat peruntukan terbesar, iaitu sebanyak RM13 bilion bagi negeri Sabah dan RM12 bilion bagi Sarawak sepanjang tahun 2011 hingga 2013.

Bagi tahun 2011, Wilayah Persekutuan adalah penyumbang terbesar cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDRM), iaitu sebanyak 67% diikuti oleh Selangor sebanyak 11%. Walau bagaimanapun, hasil cukai yang dikutip mengikut negeri tidak menggambarkan pendapatan tersebut dihasilkan di dalam negeri yang dikenakan. Ini kerana kutipan cukai yang dibuat adalah berdasarkan alamat pembayar cukai yang terdapat dalam rekod LHDN dan JKDRM. Misalnya, terdapat syarikat yang beroperasi di sesebuah negeri tetapi membayar cukai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memandangkan ibu pejabat syarikat berkenaan berada di Kuala Lumpur.

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINIBINTI AHMAD [ PARIT SULONG ]

TARIKH : 12 APRIL 2012

SOALAN

Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah fungsi dan peranan Institut Pandangan Jauh Negara (NFI) dan apakah bidang teknologi kritikal yang berpotensi untuk diterokai

menjelang 2020.

## JAWAPAN

Penubuhan NFI (***National Foresight Institute***) adalah satu inisiatif Kerajaan yang bertujuan meningkatkan keberkesanan perancangan, pembentukan dan pelaksanaan program jangka masa panjang teknologi nasional. Institut ini bertindak sebagai titik tumpuan atau ***focal point*** aktiviti ***foresight*** di Malaysia dan akan bertanggungjawab menjadikan pendekatan ***foresight*** sebagai aliran utama (***mainstream***) dengan menghubungkan pemikir masa hadapan dengan penggubal dasar melalui perkongsian pengetahuan, pandangan dan penelitian, pengumpulan data serta kepakaran dalam kajian masa hadapan secara kolektif. Penubuhan institut ini juga akan menggalakkan lagi kerjasama antarabangsa melalui jaringan sesama pemikir masa hadapan serta pakar teknologi dari dalam dan luar negara. Pelbagai aktiviti penting yang berkaitan dengan aktiviti ***foresight*** juga dapat diselaraskan menggunakan jaringan tersebut. Antara jaringan kerjasama yang telah dijalankan termasuk ***Technology Foresight Center***, KISTEP dari Korea dan ***Manchester Institute of Innovation Research*** dari United Kingdom.

Penubuhan ***National Foresight Institute*** adalah suatu langkah progresif yang mampu mengembeling usaha untuk mewujudkan halatuju sepunya perancangan teknologi negara. Setakat ini, Institut ini telahpun menjalankan Kajian ***Technology Foresight*** Kebangsaan yang bertujuan mengenalpasti bidang keutamaan teknologi negara. Ini telah dijalankan dengan menggabungkan kaedah senario, kajian soal selidik, ***Delphi*** serta rundingan dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Bidang keutamaan teknologi yang telah dikenal pasti, ianya dijangka

berupaya menyokong perancangan serta dasar-dasar transformasi negara serta memenuhi keperluan rakyat pada masa hadapan. Setakat ini, bidang keutamaan teknologi telah dikenalpasti dan dibentangkan kepada Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan (NSRC) serta Majlis Inovasi Negara (NIC).

Bidang keutamaan yang telah dikenal pasti terdiri daripada :

1. Keselamatan Siber - **Cyber Security**
2. Sekuriti Tenaga - **Energy Security**
3. Alam Sekitar & Perubahan Iklim - **Environment & Climate Change**
4. Sekuriti Makanan - **Food security**
5. Perubatan & Penjagaan Kesihatan - **Medical & Healthcare**
6. Tanaman Ladang & Komoditi - **Plantation Crops & Commodities**
7. Pengangkutan & Urbanisasi - **Transport & Urbanization**
8. Sekuriti Air - **Water Security**

Lapan (8) bidang keutamaan yang dinyatakan ini akan turut disokong oleh bidang teknologi **cross-cutting & converging** seperti bioteknologi, ICT dan sains bahan termaju.

**Foresight** bukanlah sesuatu yang baru. Kaedah ini telahpun diguna pakai secara meluas di negara-negara maju seperti United Kingdom, Kanada, Korea Selatan, Singapura dan Jepun terutamanya dalam perancangan sains dan teknologi bagi pembangunan industri strategik. Di peringkat tempatan, pendekatan ini telah dilaksanakan melalui inisiatif pelan halatuju sektor industri oleh MIGHT, sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri semenjak penubuhannya pada tahun 1993. Di antara pelan halatuju sektor industri yang dihasilkan oleh MIGHT yang menggunakan kaedah ini termasuklah sektor industri aeroangkasa, herba, telekomunikasi dan bioteknologi.

Hasil dari tindakan susulan kajian **Technology Foresight** Kebangsaan, **National Foresight Insitute** turut juga mengenal pasti beberapa bidang untuk tujuan pengkhususan, di mana MIGHT akan menumpukan usaha memajukan sektor industri ini. Ianya meliputi industri pengangkutan yang melibatkan sektor aeroangkasa, maritim serta rel; serta industri tenaga yang diperbaharui yang melibatkan sektor solar serta biomass.

Penubuhan institut ini adalah bertujuan meningkatkan keberkesanan perancangan jangka panjang Kerajaan dan akan menyumbang terhadap pembangunan negara. Secara ringkas, **Foresight** berupaya mengukuhkan lagi segala perancangan serta dasar-dasar transformasi negara supaya ianya lebih berdaya maju. Dengan pendekatan ini juga, pelaburan negara dapat dioptimalkan dan risiko dapat dikawal bagi memberi manfaat kepada seluruh rakyat pada jangkamasa panjang.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TAN SRI DATUK SERI DR FONG CHAN

ONN (ALOR GAJAH)

TARIKH 12 APRIL 2012

SOALAN

YB Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sebab kenapa masih ada orang yang tiada rumah dan tidur di tepi jalan terutamanya di Kuala Lumpur sedangkan Kerajaan telah menjalankan usaha kebajikan seperti BR1M untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan miskin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) prihatin dan memandang serius akan isu golongan gelandangan terutama di bandar-bandar besar.

Berdasarkan sistem maklumat golongan gelandangan yang mula digunakan oleh JKM pada tahun 2007, terdapat seramai 7,833 orang gelandangan yang telah diselamatkan oleh JKM bagi tempoh 2007 hingga Disember 2011. Pecahannya adalah seperti berikut:

Tahun 2007	-	.
Tahun 2008	,261 orang	
Tahun 2009	-	.
Tahun 2010	,796 orang	
Tahun 2011	-	.
Jumlah	,934 orang	
	-	.
	,434 orang	
	-	1,408 orang
		7,833 orang

**Tuan Yang Di Pertua,**  
JKM telah membuat kajian profil awal ke atas 1,387 orang gelandangan di bandar raya Kuala Lumpur untuk mendapatkan gambaran sebenar isu serta merancang tindakan yang sesuai bagi membantu golongan gelandangan tersebut.

Daripada kajian tersebut, antara faktor seseorang itu hidup bergelandangan adalah disebabkan:

- i. Ketiadaan Pekerjaan (seramai 646 orang atau 46.6%);
- ii. Miskin Berpendapatan Rendah (seramai 245 atau 17.7%);
- iii. Miskin, Tua, dan Sebatang Kara (seramai 145 orang atau 10.5%);
- iv. Penagihan Dadah (seramai 66 orang atau 4.8);
- v. Pengabaian (seramai 61 orang atau 4.4%);
- vi. Miskin dan Tua (seramai 50 orang atau 3.6%);
- vii. Masalah Mental (seramai 30 orang atau 2.2%);
- viii. Sakit Melarat (seramai 29 orang atau 2.1%);
- ix. Tiada Tempat Tinggal (seramai 27 orang atau 1.9%);
- x. Bekas Banduan (seramai 16 orang atau 1.2%);
- xi. Ketidakupayaan (seramai 15 orang atau 1.1%);
- xii. Lari dari Rumah (seramai 14 orang atau 1.0%);

- xiii. Masalah Keluarga (seramai 8 orang atau 0.6%);
- xiv. Kemurungan (seramai 7 orang atau 0.5%);
- xv. Penagihan Arak (seramai 7 orang atau 0.5%);
- xvi. Warga Asing Terdampar (seramai 5 orang atau 0.4%); dan
- xvii. Penerimaan Keluarga (seramai 3 orang atau 0.2%).

Selain itu seramai 13 orang (1.0%) gelandangan tidak dapat dikenal pasti sebab-sebab mengapa mereka bergelandangan.

Rumusan daripada kajian tersebut mencadangkan keperluan untuk mewujudkan Pusat Sehati Intervensi dalam menangani isu gelandangan ini.

Tujuan Pusat Sehati Intervensi adalah untuk:

- a. Menyediakan tempat berlindung sementara kepada gelandangan produktif bekerja yang tiada tempat tinggal;

- b. Memudahkan golongan gelandangan dikesan dan dihubungi, serta mengumpul profil gelandangan bagi tujuan menawarkan pekerjaan dan merancang program pembangunan;
- c. Mengadakan intervensi awal kepada semua golongan gelandangan (penganggur, pesakit mental, penagih dadah, pengemis, kutu rayau  
Omenubuhkan Pusat Sehenti Intervensi yang pertama bagi membantu golongan ini dikenali dengan nama ANJUNG SINGGAH yang terletak di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur dan mula beroperasi pada 9 April 2011.

Semenjak memulakan operasi hingga 29 Februari 2012, seramai 458 orang gelandangan telah mendapat perkhidmatan di Anjung Singgah.

Selain penubuhan Anjung Singgah, golongan gelandangan yang diselamatkan susulan operasi pengemisan oleh JKM boleh ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), manakala warga emas yang berumur 60 tahun ke atas pula diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK). Langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin.

Di kedua-dua DBD dan RSK ini, mereka akan menjalani proses pemulihan bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun. Mereka diberikan rawatan perubatan, penjagaan kesihatan dan bimbingan kaunseling. Sebagai tambahan, mereka turut mengikuti latihan vokasional, pertanian, kraftangan, bimbingan agama, dan juga rekreasi. Bagi golongan gelandangan yang mempunyai keluarga pula, mereka akan diserahkan kepada keluarga masing-masing dan akan dipertimbangkan bantuan kebajikan yang bersesuaian sekiranya layak.

**Soalan No. : 11**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN**

**BUJANG**

**(SIBUTI)**

**TARIKH**

**12 APRIL 2012**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan melalui Program Transformasi Luar Bandar adakah terdapat cadangan untuk memperuntukkan dana bagi menurap jalan ke Kuala Sibuti sepanjang 8 kilometer yang ketika ini rosak teruk terutama ketika hujan. Penurapan jalan akan memudahkan aktiviti ekonomi terutamanya perikanan, industri pembuatan bot nelayan dan pelancongan.

### **JAWAPAN**

#### **Tuan Yang di-Pertua,**

Program Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Programme* (RTP) merupakan pelengkap kepada program transformasi negara. Antara langkah pelaksanaan RTP yang telah dikenal pasti di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) termasuklah program Jalan Luar Bandar (JALB) yang juga merupakan salah satu program NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar.

Untuk makluman, KKLW telah menyenaraikan projek menurap jalan Ke Kuala Sibuti sepanjang 8 kilometer, di bawah *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10 untuk pelaksanaan

pada tahun 2014 - 2015 dengan kos projek dianggarkan berjumlah RM25 juta.



SOALAN NO.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA

[PARITJ

TARIKH : 9 APRIL 2012

SGALAM :

Tuan Mohd Nizar bin Zakarsa [ Parlt ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah-langkah drastik bagi menangani kegiatan pembalakan haram di negara ini sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian sebanyak RM800 hingga RM900 juta setiap tahun seperti yang dilaporkan oleh Transparency International Malaysia awal Februari 2012 lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan dua (2) lagi soalan, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Sik dan Yang BerhormatMerbok pada 12 April 2012 memandangkan soalan-soalan ini adalah berkaitan dengan isu yang sama iaitu, pembalakan haram.

Terima kasih Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerugian sebanyak RM900 juta setahun seperti mana yang dilaporkan adalah tidak tepat. Di Semenanjung Malaysia, peratusan pengeluaran balak daripada kegiatan pembalakan haram adalah terlalu kecil dan langsung tidak signifikan.

Berasaskan kepada rekod, peratusan isipadu pengeluaran kayu balak haram adalah dalam lingkungan 0.03% hingga 0.07% setahun dari tahun 2005 hingga 2010 jika dibandingkan dengan isipadu pengeluaran kayu balak sebenar bagi tahun berkaitan. Anggaran nilai kerugian akibat kegiatan pembalakan haram yang direkod dari tahun 2004 hingga 2011 ialah RM10.7 juta.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga,

Kerajaan memandang berat kegiatan pembalakan haram kerana kesan negatifnya terhadap biodiversiti, kualiti hutan dan alam sekitar. Bagi membanteras kegiatan ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan mengambil beberapa langkahseperti berikut:

- i. Menubuhkan pasukan penguatkuasaan hutan di peringkat daerah dan negeri serta *flying squad* di Ibu Pejabat Jabatan;
- ii. Mengadakan rondaan di kawasan yang berisiko tinggi (atau dengan izin, *hotspot*)berlakunya kegiatan pembalakan haram termasuk menggunakan helikopter;
- iii. Menjalankan sekatan jalan raya dari semasa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;
- iv. Menjalankan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera DiRaja Malaysia (ATM), Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- v. Memperkukuhkan lagi aspek perundangan dengan mengkaji serta meminda Akta Perhutanan Negara 1984 sedia ada dengan meningkatkan kadar hukuman dan penalti.

Selain daripada tindakan perundangan, bagi memantapkan lagi usaha membanteras kegiatan pembalakan haram, pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. menubuhkan **1NRE Enforcement Team** bagi menjalankan penguatkuasaan secara bersepadu oleh pelbagai agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE);

- ii. Menggunakan teknologi Penderiaan Jauh (atau *remote sensing*), Sistem Maklumat Geografi (Geographical Information System-GIS) dan Sistem Penentuan Kedudukan Sejagat (Global Positioning System-GPS) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan; dan
- iii. Meningkatkan kesedaran masyarakat awam mengenai kepentingan hutan serta menggalakkan masyarakat awam terlibat sebagai mata dan telinga dengan membuat aduan kepada Kerajaan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha-usaha untuk membanteras kegiatan pembalakan haram. Ini terbukti dengan langkah-langkah yang diambil yang telah menunjukkan hasil yang positif. Berdasarkan rekod, kes pembalakan haram dalam Hutan Simpanan Kekal mencatatkan ***trend*** menurun iaitu, 118 kes pada tahun 2006 kepada 58 kes pada tahun 2011. Maka tidak timbul anggapan bahawa tiada kesungguhan oleh Kerajaan untuk membanteras isu ini atau membiarkannya berterusan. Dalam perkara ini, tidak ada kompromi dalam menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.



Nota : Persidangan Dewan Rakyat

\*\*\*Jawapan No. Soalan 13 Y.B. Datuk Eric Enchin  
Majimbun (Sepanggar) bersekali pada 13 Mac 2012  
daripada Kementerian Kewangan.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

Soalan No :

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN  
(HULU TERENGGANU)

TARIKH

**12.04.2012**

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [ HULU TERENGGANU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah langkah Kerajaan untuk membuka peluang kepada Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) bagi mengisi jawatan 2,282 jawatan Penolong Kanan gred DG 48 diterima oleh golongan pendidik dan sejauh manakah keberkesanan penempatan PTD di sekolah setakat ini mampu membantu guru dari segi pembelajaran dan pengajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 1 Mac 2012 seramai 441 orang Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) pelbagai gred jawatan telah ditempatkan di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pada dasarnya, PTD ditempatkan di KPM dan Jabatan bagi menjalankan urusan pengurusan tugas-tugas operasi perkhidmatan, pembangunan, kewangan dan pentadbiran yang merupakan bidang tugas utama PTD.

Bagi mengatasi isu mengurangkan bebanan guru di sekolah, KPM telah melaksanakan Kajian Eksperimental Menangani Beban Tugas Perkeranian Guru terhadap 5 buah sekolah projek rintis yang menerima 2 orang Pembantu Tadbir (P/O) gred N17. Kajian mendapati penempatan Pembantu Tadbir berkesan untuk membantu tugas perkeranian guru dan projek rintis dilanjutkan sehingga Jun 2012.

Kertas cadangan peluasan penempatan PT(P/0) gred N17 dibentangkan dalam Mesyuarat Profesional dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Tertinggi KPM. Di samping itu, langkah ini juga dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan pendidikan negara dengan memberi fokus kepada bidang-bidang yang tertentu bersesuaian dengan perjawatan yang disediakan.

Rjm 109

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD  
YUSOFF [  
BALIK PULAU]**

**TARIKH 12 APRIL 2012**

#### SOALAN:

**TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi berdaftar yang layak mengundi secara pos di Parlimen Balik Pulau semenjak PRU12 sehingga PRU13 yang akan datang serta jelaskan sebab/asas penambahan pengundi pos di kawasan Parlimen tersebut.



**SOALAN NO. 15**

**JAWAPAN: YB DATO\* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengundi pos di dalam Parlimen Balik Pulau di dalam Daftar Pemilih Induk 2007 adalah seramai 500 orang iaitu 148 orang di DUN N.38 Bayan Lepas, 330 orang di DUN N.39 Pulau Betong dan 22 orang di DUN N.40 Telok Bahang. Pengundi pos ini adalah terdiri daripada anggota polis.

Manakala jumlah pengundi pos di dalam Parlimen Balik Pulau di dalam Daftar Pemilih Tambahan Sehingga Suku Tahun Keempat Tahun 2011 (ST 4/2011) yang diwartakan pada 20 Mac 2012 adalah seramai 682 orang iaitu 206 orang di DUN N.38 Bayan Lepas, 438 orang di DUN N.39 Pulau Betong dan 38 orang di DUN N.40 Telok Bahang. Pengundi pos ini adalah terdiri daripada anggota polis dan hanya seorang Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara di dalam DUN N.38 Bayan Lepas.

**SOALAN NO. 15**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penambahan jumlah pengundi pos di Parlimen Balik Pulau seramai 182 orang adalah kerana penambahan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI ]**

**TARIKH 19 MAC 2012 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sebab-sebab masalah penyampaian surat-surat di kawasan luar bandar khasnya kawasan Tanjong Piai di mana posmen meletakkan surat di kedai dan warung masih berlaku sedangkan orang ramai telah meminta surat dihantar terus ke rumah.**

## JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada **YB TENOM dan YB SIBUTI** bertarikh **12 April 2012** kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu **perkhidmatan pos**.

Pos Malaysia sedang melaksanakan Projek Alamat Untuk Semua di seluruh negara bagi rumah dan premis yang tidak mempunyai alamat yang lengkap. Melalui projek ini, rumah dan premis tersebut akan diberikan alamat lengkap.

Pos Malaysia Berhad telah pun melaksanakan penambahbaikan pejabat pos cawangan Tenom pada bulan Februari 2012. Selain dicat semula, penambahan ruang pelanggan, kerusi, kipas dan tandas telah dilaksanakan untuk keselesaan pelanggan dan kakitangan pos. Berdasarkan rekod urus niaga, bilangan kakitangan pos masih berada pada tahap yang mencukupi untuk menampung bilangan pelanggan yang datang berurusan.

Buat masa ini, Pos Malaysia juga sedang menaik taraf infrastruktur kemudahan di cawangan-cawangannya di seluruh negara termasuklah di luar bandar. Usaha ini dibuat secara berperingkat supaya tidak mengganggu perkhidmatan kepada pelanggan dan kemampuan kewangan syarikat. Dari tahun 2010 hingga 2011, sebanyak 149 cawangan pejabat pos

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

telah dinaik taraf.

Berkenaan dengan kemudahan mesin ATM dan Mesin Deposit Tunai (**CDM**) di pejabat-pejabat pos, penyediaannya bukan hanya bergantung kepada pihak PosMalaysia sahaja tetapi turut bergantung dengan kerjasama daripada bank yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, para pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Khidmat Pelanggan Pos Malaysia melalui talian aduan 1-300-300-300 atau e-mel kepada [care@pos.com.my](mailto:care@pos.com.my).

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA**      **PERTANYAAN : JAWAB**  
**LISAN**

**YB TUAN KHALID BIN ABDUL  
SAMAD**

**(SHAH ALAM)**

**TARIKH**                                      **12 APRIL 2012**

**SOALAN**                                        **17**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan apakah rasional di sebalik  
pembelian Syarikat Bower Property pemilik Ashley Hotel  
oleh MARA Incorporated Sdn. Bhd.

**Jawapan :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian mengucapkan terima kasih dan menghargai keprihatinan Yang Berhormat terhadap aktiviti-aktiviti pelaburan MARA. MARA sentiasa mencari peluang pelaburan untuk meningkatkan nilai tambah pelaburan ke atas aset MARA. Pengambilalihan ekuiti dalam syarikat-syarikat berkepentingan seperti institusi kewangan, pusat pengajian swasta dan hotel adalah antara inisiatif untuk meningkatkan ekuiti. Aktiviti ini diharap akan dapat meningkatkan dana pusingan MARA ke arah menjana pendapatan untuk menampung aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelaburan hartanah di London menjadi aliran semasa (*trend*) di kalangan pelabur-pelabur asing termasuk juga daripada Malaysia seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). *Trend* ini wujud hasil daripada kejatuhan nilai Pound Sterling (£) yang turut menyebabkan penurunan nilai hartanah United

**SOALAN NO: 18**

Kingdom ~~PEMERINTAH DAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~ PERUSAHAAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT mi dunia. Oleh itu, MARA melalui MARA *Incorporated* memutuskan untuk mengambil peluang daripada situasi tersebut dengan membuat pelaburan hartanah di United Kingdom.

*Bower Property Limited* telah membuat perancangan strategik dengan mendaftarkan perniagaannya di bawah *British Virgin Island Company (BVI)*. Syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah BVI layak untuk mendapatkan pelepasan daripada cukai-cukai tempatan. Aset perniagaan yang ada di bawah *Bower Property Limited* hanyalah Hotel Ashley.

Oleh itu dengan memilih untuk mengambilalih *Bower Property Limited*, MARA Incorporated berjaya memiliki aset iaitu bangunan dan perniagaan hotel serta juga berpeluang untuk mendapat pelepasan cukai.



## JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN  
BUJANG [ SIBUTI]

TARIKH

12 APRIL 2012 (RABU)

## SOALAN

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan cadangan kepada pihak Kementerian agar menimbang untuk menukar pemberian Laptop 1 Malaysia kepada Tablet 1 Malaysia seperti iPad atau “*tab*” yang murah berbanding Netbook serta dapat meningkat minat rakyat Malaysia membangunkan perisian untuk industri kandungan (*content industry*).

## JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian dalam peringkat pelaksanaan mengedarkan kesemua satu juta Komputer Riba 1 Malaysia di bawah program inisiatif Jalur Lebar Negara. Komputer yang diedarkan sentiasa dinaik taraf dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan spesifikasi komputer terkini. Ianya dilengkapi dengan pakej *Microsoft Digital Learning Suite* (perisian *Microsoft yang terkini yang mempunyai Microsoft Office 2010, Microsoft Math, Window Live, Digital Literacy Curriculum, E-Learning Training* dan

## SOALAN NO: 18

**Microsoft Security Essentials**). Dari segi perkakasan pula, kapasitinya telah ditambah dari segi sel bateri, memori media simpanan dan kelajuan pemprosesan cip terbaru. Di samping itu, Komputer ini juga telah diberi jaminan 1 tahun yang disediakan bermula dari tarikh ia diterima oleh pengguna.

Jumlah keseluruhan kos untuk perisian dan perkakasan bagi Komputer Riba 1 Malaysia adalah tidak melebihi RM1,000 seunit. Jika dibandingkan dengan peranti yang lain yang mempunyai spesifikasi yang sama, harga peranti tersebut adalah diantara RM 1,500 dan RM2.500. Ini termasuk perbandingan harga dengan lain-lain peranti yang menggunakan **touch screen** seperti iPad dan Galaxy Tab dimana kepenggunaanya tidak menyeluruh seperti simpanan fail yang terhad, serta tiada aplikasi **Microsoft** disertakan.



**PEMBERITAH  
UAN  
PERTANYAA  
N DEWAN  
RAKYAT**

Soalan No :

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)

TARIKH

**12.04.2012**

SOALAN:

Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan secara terperinci kedudukan terkini pembinaan 6 buah sekolah SRJK(C) baru dan pemindahan 13 SRJK(C) lama ke tapak baru yang diumumkan pada 30 Januari 2008 oleh Menteri Pelajaran ketika itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua isu berkaitan pembinaan enam (6) buah SJKC baru yang telah dijanjikan semasa pilihanraya pada tahun 2008 telah diselesaikan dan sedang dalam pelbagai peringkat proses pembinaan. Bagi 13 buah sekolah yang diberi kelulusan berpindah, kesemuanya telah berjaya diselesaikan termasuklah perpindahan SJKC yang terakhir iaitu SJKC Choon Hwa, Batu 18, Selangor ke Lembah Maju Ampang, Selangor.



NO. SOALAN : 20

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG  
CHAN ONN [ ALOR GAJAH ]

TARIKH JAWAPAN : 12 APRIL 2012 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sebab Kementerian terus membenarkan pembinaan dan penggunaan loji jana kuasa yang berasaskan gas dan bahan api fosil dan bukannya tenaga boleh baharu serta bilakah Kementerian akan mula melabur dalam loji jana kuasa berskala besar yang berasaskan tenaga boleh baharu.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perancangan pembekalan elektrik di negara ini adalah dibuat berdasarkan kepada beberapa prinsip utama seperti elemen akses, ketersediaan (*availability*), kepelbagaian sumber (*diversity*) serta kebolehterimaan (*acceptability*) berteraskan kepada objektif utama dasar tenaga negara iaitu memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap pada harga yang berpatutan. Sehubungan itu, berdasarkan kepada prinsip- prinsip tersebut, penjanaan bekalan elektrik berasaskan bahan api fosil dilihat dapat memenuhi prinsip-prinsip tersebut dengan lebih baik berbanding dengan Tenaga Boleh Baharu buat masa ini.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan Mekanisme ***Feed-in Tariff*** (FiT) di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu telah diluluskan Jemaah Menteri pada 2 April 2010. Berdasarkan sub-seksyen 4(a) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], pemasangan yang layak untuk menyertai mekanisme ini terhad kepada kapasiti terpasang tidak melebihi 30 MW. Had ini

dikenakan setelah mengambil kira kerumitan teknikal bagi penyambungan dari loji

TBB ke grid dan impak ke grid akan lebih signifikan jika pemasangan melebihi had 30 MW. Ini ialah kerana sumber Tenaga Boleh Baharu seperti solar yang bersifat *intermittent* dan bergantung kepada keadaan sekeliling seperti cuaca dan sebagainya. Oleh yang demikian, pihak utiliti perlu mengkaji dari sudut teknikal dan membuat persiapan sewajarnya jika pemasangan melebihi 30 MW diluluskan. Walau bagaimanapun, di bawah sub-seksyen 4(a) kepada Akta 725, pemasangan yang melebihi 30 MW boleh menyertai sistem FiT jika diluluskan oleh YB. Menteri KeTTHA.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian saya buat masa ini sedang mengkaji kebolehlaksanaan pembangunan ladang solar yang berkapasiti lebih daripada 30 MW yang turut merangkumi aspek kewangan dan teknikal. Jika ia mampu dilaksanakan, pembangunan loji ini akan membuka peluang pelaburan kepada pihak swasta.

\*\*\*\*\*



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN DING KUONG</b>
<b>TARIKH</b>	<b>HUNG 12 APRIL 2012</b>
<b>SOALAN</b>	<b>(KHAMIS) NO. 23</b>

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status penubuhan Kolej Komuniti di Kawasan Parlimen Sarikei. Nyatakan juga anggaran kos penubuhan dan pembinaan Kolej tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Kolej Komuniti Cawangan Sarikei melalui peruntukan mengurus Kementerian. Penubuhan kolej komuniti ini tidak melibatkan peruntukan pembangunan. Pada masa ini, Kementerian masih dalam proses mengenal pasti premis yang bersesuaian untuk disewa bagi tujuan tersebut.



NO. SOALAN: A

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO'TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB  
[BALING]

TARIKH 12 APRIL 2012 [RABU]

SOALAN :

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan masalah jenayah dan keruntuhan moral yang terlalu meruncing dan tidak terkawal di kalangan umat Islam, bilakah Kerajaan bersedia untuk melaksanakan hukuman Syariah di Malaysia atau meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membenarkan Kerajaan Negeri melaksanakannya di bawah Enakmen Undang-Undang Islam di negeri masing-masing.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO<sup>5</sup> SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengatasi masalah jenayah dan keruntuhan moral di kalangan umat Islam melalui penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada termasuklah Kanun Keseksaan (Disemak-1997) [Akta 574], Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak-1981) [Akta 234], The Printing Presses and Publications Act 1984 [Akta 301] dan sebagainya. Undang-undang yang

berkenaan diwujudkan bagi membantu Kerajaan dalam menjamin keamanan negara. Dalam hal ini, pewujudan undang-undang tersebut adalah selaras dengan maqasid Syariah yang antara lain, menekankan kepentingan menjaga keselamatan nyawa, harta benda dan kesihatan akal.

Dalam aspek penjagaan agama Islam pula, tanggungjawab tersebut dipikul bersama-sama oleh Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-Negeri. Salah satu langkah yang diambil adalah melalui penggubalan dan penambahbaikan undang-undang Islam dari semasake semasa. Kerajaan, melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil, sentiasa membuat kajian bagi penambahbaikan undang-undang Islam sedia ada agar ia selaras dengan kehendak semasa dan menepati prinsip-prinsip Hukum Syarak. Antara usaha terbaru yang dibuat ialah cadangan untuk meningkatkan jumlah had hukuman di mahkamah Syariah menerusi pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] dan memperbaharui Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559].

Di samping itu, Kerajaan juga berusaha untuk mengharmonikan undang-undang yang sedia ada supaya selaras dengan *maqasid Syariah* dan bersifat patuh Syariah (*Syariah compliant*). Kerajaan menyedari kesesuaian syariat Islam untuk digunapakai dalam semua zaman, tempat dan keadaan. Oleh itu, walaupun ia tidak berlabelkan undang-undang Islam, tetapi jika peruntukan dalam undang-undang

tersebut telah diharmonikan dengan syariat Islam, maka ia bolehlah dikuatkuasakan ke atas semua lapisan masyarakat dan diyakini mampu menangani masalah jenayah yang berlaku sekaligus menjamin keamanan negara. Komitmen Kerajaan dalam hal ini adalah jelas dan ia memerlukan sokongan padu dari semua pihak bagi memastikan usaha ini dapat dijayakan.

Buat masa sekarang, Kerajaan belum berhasrat untuk membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan kerana ia telah memberikan ruang yang secukupnya kepada pembangunan dan fleksibiliti undang-undang Islam untuk diamalkan di negara ini sekiranya peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan itu ditafsirkan dengan sewajarnya.

Kesimpulannya, Kerajaan akan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan dibuat terhadap pentadbiran agama Islam selaras dengan kedudukannya yang istimewa di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN BAGI**  
**JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MALAYSIA**

**JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed  
Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]**

**TARIKH**

**Khamis, 12 April 2012**

**SOALAN**

**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed  
Jaafar Albar [ Kota Tinggi ] minta  
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan  
pendirian dan dasar Malaysia terhadap  
kebangkitan (the Arab Spring) di negara-  
negara Arab Timur Tengah dan adakah  
Malaysia menyokong campur tangan asing  
dalam konflik dalaman sesebuah negara.**

## JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pergolakan politik yang menjejaskan keselamatan di Syria masih berterusan. Sehingga kini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan hampir 7,500 orang awam telah terkorban di Syria sejak pemberontakan bermula pada 16 Mac 2011.

3. Malaysia memandang berat konflik yang semakin meruncing di Syria yang pastinya akan memberi kesan terhadap kestabilan serantau dan geopolitik dunia. Malaysia akan terus bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada konflik di Syria menerusi peringkat dua hala mahupun peringkat pelbagai hala.

4. Dalam hal ini, semasa lawatan PYT Dr. Bouthaina Shaaban, Utusan Khas kepada Presiden Syria ke Malaysia pada 10-12 Oktober 2011, Malaysia telah menyuarakan kebimbangan terhadap apa yang berlaku di Syria. Selain itu, semasa Mesyuarat Terbuka Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di peringkat Menteri yang diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada 30 November 2011, Malaysia telah menyokong penuh usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Liga Arab bagi menyelesaikan krisis Syria secara damai. Malaysia turut





menyeru supaya semua pihak menggunakan dialog sebagai mekanisme untuk menamatkan kebuntuan serta mengelakkan pertumpahan darah. Justeru, adalah jelas terbukti bahawa Malaysia sentiasa komited dalam membela nasib umat Islam di seluruh dunia.

5. Malaysia juga turut menyokong resolusi Perhimpunan Agung PBB pada 16 Februari 2012 yang mempamerkan keprihatinan Malaysia terhadap keadaan di negara tersebut. Malaysia berharap Kerajaan Syria mengambil iktibar daripada resolusi UNGA yang mencerminkan kebimbangan dan harapan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, China dan Rusia berhak menggunakan kuasa veto mereka ke atas sebarang draf resolusi Majlis Keselamatan PBB termasuk ke atas resolusi pada 4 Februari 2012.

7. Dalam hal ini, Malaysia menyokong usaha mencari jalan penyelesaian secara damai demi kepentingan rakyat Syria dan untuk keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa. Ini boleh dilakukan melalui PBB dan pertubuhan kerjasama serantau seperti Liga Arab dan Majlis Kerjasama Teluk. Walau bagaimanapun, sebarang penyelesaian haruslah menghormati prinsip-prinsip demokrasi, kedaulatan dan integriti wilayah Syria, selaras dengan peruntukan Piagam PBB. Sehubungan ini Malaysia telah menyokong penubuhan satu Suruhanjaya Penyiasatan bagi menyiasat pencabulan hak asasi manusia melalui resolusi Majlis Hak Asasi Manusia pada 2 Disember 2011. Malaysia juga menolak sebarang campur tangan bersenjata di

Syria.

8. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mempunyai dasar luar yang tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara. Dalam hal ini, Malaysia berharap agar konflik di Syria dapat diselesaikan melalui dialog dan secara aman dan demokratik. Malaysia juga sentiasa memantau perkembangan di rantau tersebut dan mengambil langkah-langkah yang wajar demi memastikan keselamatan rakyat Malaysia di Syria.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia juga masih belum mempunyai rancangan untuk mengemukakan cadangan menerusi landasan OIC supaya satu pasukan pengaman dari kalangan tentera negara-negara anggota OIC dihantar bagi menghentikan keganasan terhadap orang awam di Syria. Ini bagi mengelakkan daripada campur tangan di dalam urusan dalaman negara tersebut serta membenarkan pelan-pelan yang disediakan oleh PBB dan Liga Arab dikuatkuasakan. Malaysia juga percaya dengan pelantikan Kofi Annan, bekas Setiausaha Agong PBB sebagai Utusan Khas PBB - Liga Arab ke Syria, dapat membantu menyelesaikan konflik di negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [ KELANA JAYA ]  
TARIKH : 12 APRIL 2012  
RUJUKAN : 4560

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil atas kenyataan Tan Sri Mahmood Bin Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang mengumumkan untuk menerbitkan kad pengenalan untuk pelarian yang diluluskan oleh UNHCR pada Februari 2010 yang lalu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia bukan merupakan *signatory* kepada *1951 Convention Relating to the Status of*

*Refugees*, Ini bermaksud bahawa Malaysia tidak mengiktiraf pelarian-pelarian yang berada di Malaysia. Pelarian di Malaysia dianggap sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan sekiranya ditangkap oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Imigresen akan merujuk kepada pihak *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) untuk mengesahkan kesahihan kad UNHCR yang dipegang oleh PATI tersebut.

Apa yang pernah berlaku, pihak UNHCR dan Jabatan Imigresen Malaysia ada merundingkan penggunaan kad pengenalan bagi pelarian yang diiktiraf oleh pihak UNHCR seperti mana i-Kad yang dikeluarkan oleh pihak Imigresen kepada pemegang pas/permit warga asing di Malaysia. Walau bagaimanapun usaha tidak diteruskan kerana penggunaan i-Kad telah dihentikan.



PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED  
[SEPANG]  
12.04.2012 (KHAMIS)

DATO\* SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [ SEPANG ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah Kerajaan bagi mewujudkan sewa beli mengikut syariah Islam bagi mengelakkan kekeliruan dari segi perundangan demi kepentingan pengguna Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sedang mengadakan perbincangan dan konsultasi dengan pihak berkepentingan berhubung cadangan bagi menggubal suatu Akta untuk mengawalselia transaksi berkaitan sewa beli secara Islam.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, ketika ini tiada mana-mana negara di dunia yang mempunyai suatu Akta Sewa Beli yang khusus melainkan ianya dikawalselia melalui pembiayaan secara Islam menerusi produk-produk muamalat Islam antaranya seperti *al-Ijarah*, *al-Bai' Bithaman Ajil* (BBA), *Murabahah* dan *al-Ijarah Thumma Al - Bai'* (AITAB). Justeru, dalam konteks transaksi perjanjian sewa beli sedia ada pula,

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

kebanyakan bank-bank menawarkan produk-produk pembiayaan Islam menerusi perjanjian sewa beli kepada pelanggan mereka sebagai satu alternatif berbanding produk konvensional sedia ada.

Selain daripada itu, pihak kementerian turut sentiasa mengadakan perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan seperti *Association of Islamic Banking Institution of Malaysia* (AIBIM), Bank Negara Malaysia, Persatuan-persatuan Pengguna bagi mendapatkan pandangan berhubung cadangan bagi mengadakan satu Akta khusus atau keperluan untuk meminda Akta sedia ada bagi menangani isu-isu berkaitan perjanjian sewa beli secara Islam. Dalam hubungan ini, Kementerian turut mengalu-alukan sebarang cadangan daripada mana-mana pihak untuk turut sama memberikan pandangan berhubung bentuk perundangan yang sesuai bagi mengawalselia transaksi sewa beli secara Islam.

**PEMBERITAH**  
**UAN**  
**PERTANYAA**  
**N DEWAN**  
**RAKYAT**

Soalan No :

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR  
(KETEREH)

TARIKH

12.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [ KETEREH ] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian menyedari terdapat banyak kesilapan di dalam buku Iqra 'j-QAF yang diagihkan di sekolah. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan pendidikan Al-Quran dapat dijalankan dengan sempurna dan betul.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar terdapat beberapa kesalahan teknikal dalam buku Iqra' Program j-QAF. Kesalahan tersebut telah dimaklumkan kepada pihak berkaitan untuk tindakan pembedahan dan mengagihkan semula naskhah yang betul kepada sekolah-sekolah berkenaan. Bagi memastikan pendidikan al-Quran dapat dijalankan dengan sempurna dan betul, KPM mengambil langkah-langkah berikut:

1. membekalkan mushaf al-Quran yang berkualiti dan membantu murid;
2. melatih dan menempatkan disekolah guru mahir al-Quran;
3. melaksanakan kaedah BIG (Baca Ikut Guru): suatu kaedah talaqi dan musyafahah;
4. mengadakan kem khatam al-Quran;



5. mengadakan Majlis Khatam al Quran Perdana Sekolah Rendah;
6. melaksanakan Kelas Kemahiran al Quran (KKQ) di SMKA, SABK dan KAA;
7. melaksanakan pentaksiran KKQ;
8. Menaiktaraf Sijil KKQ ke arah pengiktirafan untuk kemasukan ke Darul Quran (DQ);
9. mengadakan lawatan pemantauan secara berkala;
10. melaksanakan program j-QAF sekolah menengah;
11. mengadakan Majlis Tadarus al Quran (MTQ) Sekolah-sekolah KPM;
12. meneruskan program Tahfiz di SABK yang telah melaksanakannya; dan
13. melaksanakan program Tahfiz di SMKA

SULIT

NO. SOALAN :

'xI-

PERTANYAAN

LISA  
N

30<sup>A</sup>

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman

DARIPADA  
TARIKH

12 APRIL 2010 (KHAMIS)

### SOALAN

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah perkhidmatan E-Government di jabatan- jabatan Kerajaan setakat ini termasuk secara terperinci jenis jabatan terlibat.

### JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan E-Government di jabatan-jabatan Kerajaan telah melalui transformasi yang ketara apabila projek-projek ICT Kerajaan berjaya dipelbagaikan merentasi agensi seperti aplikasi komuniti, **enterprise- wide** dan pelaksanaan perkongsian pintar. Tiga (3) komponen utama EG ialah Kerajaan, perniagaan dan rakyat yang dikenali sebagai **Government to Government (G2G)**, **Government to Business (G2B)** dan **Government to Citizen (G2C)**.

Selain daripada itu, Kerajaan turut telah memperkenalkan pelbagai perkhidmatan yang memudahkan urusan rakyat menerusi sistem atas talian. Sehingga kini, sejumlah 653 agensi Kerajaan menawarkan sebanyak 2,695 perkhidmatan **online**. Antaranya ialah sistem taksiran pelbagai cukai, sistem pembayaran cukai, sistem pembayaran saman, aduan, pertanyaan, maklum balas, permohonan, pemfailan dokumen secara eletronik (eFiling) dan banyak lagi.

Portal myGovernment ([www.malaysia.gov.my](http://www.malaysia.gov.my)). salah satu inisiatif di bawah perkhidmatan E-Government merupakan gerbang utama berasaskan konsep pusat setempat untuk memudahkan orang awam mencapai maklumat dan menggunakan perkhidmatan **online** yang disediakan oleh agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga kini, 1,268 perkhidmatan **online**, 318



## **SULIT**

perkhidmatan bayaran secara **online** boleh diakses melalui Portal myGovernment. Selain daripada itu, sebanyak 3,067 borang juga boleh dimuat turun melalui Portal myGovernment.

Perkhidmatan **Online** yang disediakan, khususnya yang memberi tumpuan kepada konsep **Government to Government** (G2G), **Government to Business** (G2B) dan **Government to Citizen** (G2C) telah dapat memudahkan orang ramai berurusan dengan Kerajaan melalui pelbagai saluran elektronik seperti kiosk, **Interactive Voice Response** (IVR)/telefon dan perkhidmatan internet serta mempercepatkan urusan seperti memproses permohonan, membuat pertanyaan dan pembayaran bagi pelbagai perkhidmatan Kerajaan yang disediakan. Pembangunan aplikasi-aplikasi EG ini juga telah dapat mempercepatkan proses kerja, meningkatkan kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan serta mengurangkan kos dan masa para pegawai dan pelanggan.

Pada tahun 2011 (Januari hingga Disember 2011), jumlah transaksi perkhidmatan **online** di Sektor Awam adalah sebanyak 223,495,136 transaksi.

Antara beberapa contoh perkhidmatan EG dan Kementerian yang terlibat adalah seperti berikut:



Soalan No :

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
(SIK)

TARIKH

12.04.2012

**SOALAN:**

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan status panel penulisan semula Buku Sejarah Malaysia yang telah diumumkan oleh Menteri Pelajaran pada awal Oktober 2010 yang lalu, sejauh manakah ia berjalan dan bilakah buku-buku baru ini akan mula digunakan di sekolah-sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula pada tahun 2013 mata pelajaran sejarah akan dijadikan mata pelajaran wajib lulus sebagai syarat layak untuk mendapat sijil SPM. Dasar ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi insan cemerlang, berkemahiran tinggi, berdaya saing, mempunyai semangat jati diri yang kental serta memiliki semangat patriotik dan nilai kewarganegaraan tulen. Bagi melaksanakan dasar ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kebenaran dan kejitian fakta-fakta sejarah yang diterbitkan dalam buku-buku Sejarah sekolah rendah dan menengah, KPM mengambil langkah berikut:

- (i) Buku teks bagi mata pelajaran Sejarah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dalam penerbitan buku tersebut, DBP juga telah diingatkan untuk memilih penulis yang telah dikenalpasti pakar dalam mata pelajaran sejarah dan bidang-bidang/skop berlainan yang berkaitan;
- (ii) Selain daripada itu, penulis DBP yang dilantik adalah dipilih berdasarkan pemenang yang telah memenangi pertandingan menulis yang telah dijalankan oleh DBP;
- (iii) Di samping itu, KPM melalui Bahagian Buku Teks (BBT) dan DBP juga mempunyai pakar rujuk untuk mata pelajaran tersebut bagi mengesahkan kejituan fakta-fakta yang terdapat dalam buku teks Sejarah;
- (iv) Bagi setiap buku teks Sejarah yang diterbitkan, KPM akan melantik Jawatankuasa Penilaian Teknikal 4 (JPT 4) yang terdiri daripada pensyarah IPT, IPG dan guru-guru cemerlang yang pakar dalam bidang mata pelajaran yang berkaitan. Panel ini berfungsi membaca, menilai, menyemak dan memantapkan kualiti Pruf Muka Surat (PMS) sekurang- kuranya sebanyak dua kali. Ini tidak termasuk pembacaan yang dilakukan oleh pegawai BBT sendiri untuk beberapa kali mana pegawai BBT berkenaan juga adalah berlatar belakang opsyen guru mata pelajaran sejarah;
- (v) Selain daripada itu, KPM juga melantik satu lagi panel JPT 4 untuk melaksanakan Mesyuarat Pembaca Pruf pada peringkat Naskhah Sedia Kamera (NSK) dari kalangan pensyarah IPT, IPG KPM dan guru-guru cemerlang yang pakar dalam bidang mata pelajaran yang berkaitan;
- (vi) KPM juga melantik pakar rujuk yang terdiri dari para sarjana atau sejarawan yang dikenalpasti mempunyai pengalaman dan mempunyai kepakaran yang mendalam dalam mata pelajaran sejarah dan mempunyai kredibiliti dalam dunia sejarah tanah air; dan

- (vii) KPM juga mengambil langkah menubuhkan jawatankuasa dalaman bagi membuat kajian dan pembacaan semula buku teks yang lama atau membuat kajian sumber terkini sebelum sesuatu program penerbitan buku Sejarah diterbitkan. Penglibatan guru pakar sejarah tanah air akan dilibatkan sama bagi mendapatkan pandangan dan penambahbaikan maklumat dan pendekatan dalam penulisan buku sejarah pada masa akan datang.



## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN :**            **BAGI JAWAB LISAN**

**DARI PAD A**            **DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM  
                                      **FIKRI [ KUALA NERUS ]****

**TARIKH**                 **12 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN**                **29**

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai garis panduan tertentu yang perlu dipatuhi oleh semua agensi penguatkuasaan untuk mengadakan sekatan jalan raya agar tidak menyusahkan pengguna jalan raya lain

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sememangnya terdapat garis panduan yang tertentu bagi setiap agensi penguatkuasa untuk menjalankan operasi penguatkuasaan termasuk mengadakan sekatan jalan raya. Garis panduan tersebut adalah bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan dan bukan untuk menyusahkan rakyat. Dalam hal ini, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menyediakan *Standard Operating Prosedure* (SOP) untuk pegawai penguatkuasa mereka mengendalikan sekatan jalan raya seperti berikut:

- (i) menerima surat arahan untuk mengadakan sekatan jalan raya daripada Pengarah JPJ negeri-negeri berkenaan;
- (ii) jumlah anggota untuk mengadakan sekatan jalan raya sekurang-kurangnya lima orang; dan
- (iii) memasang peralatan yang lengkap di lokasi sekatan seperti papan tanda '**BERHENTI PEMERIKSAAN JPJ**' atau papan tiga segi '**AWAS PEMERIKSAAN JPJ**' dalam jarak sekitar 40 meter dari lokasi sekatan, manakala minimum 3 kon pula akan diletakkan dalam jarak 10 meter.

Selain itu, pemilihan lokasi jalan raya mestilah di tempat yang selamat iaitu bukan di selekoh atau berhampiran jambatan atau di simpang jalan yang merupakan '*bottleneck*'. Sekatan jalan raya

juga dibuat di ruang atau *lay by* yang luas bagi membolehkan sesebuah kenderaan diperiksa di ruang tersebut bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas sekaligus menyusahkan pengguna jalan raya.

NO.

**SC)ALAN:30 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SYED HAMID BIN SYED JAAFAR  
ALBAR [KOTA TINGGI]**

**TARIKH : 12 APRIL 2012**

**SOALAN**

**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a)apakah langkah-langkah awal yang akan diambil oleh Kerajaan bagi membendung impak krisis ekonomi dunia supaya tidak menular ke negara ini yang boleh menjejaskan ekonomi dan projek-projek di bawah Pelan Transformasi Ekonomi Negara (ETP); dan
- (b)apakah langkah Kerajaan dalam usahanya untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan mengelakkan dari melebar jurang pendapatan antara kaum dan di kalangan kaum itu sendiri.

**JAWAPAN**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa

memantau kedudukan semasa ekonomi dunia dan domestik. Pemantauan tersebut bukan hanya kepada prestasi ekonomi malah pembangunan sosioekonomi turut menjadi fokus utama.

Oleh yang demikian, RMKe-10 serta strategi bajet 2012 telah mengambilkira langkah-langkah untuk menjadikan Malaysia berdaya tahan dan berdaya saing untuk membendung ketidaktentuan ekonomi dunia. Langkah-langkah tersebut adalah seperti meningkatkan pelaburan yang diterajui oleh sektor swasta termasuk dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan, mengurangkan kebergantungan ekonomi negara kepada sektor luar, meningkatkan guna tenaga mahir, memastikan permintaan dalaman berada di tahap yang kukuh dan memastikan kualiti hidup yang tinggi di kawasan bandar dan luar bandar. Selain daripada itu, inisiatif-inisiatif lain seperti mempromosikan eksport ke Asia Timur, India dan pasaran baru muncul seperti Afrika, meliberalisasikan sektor 17 lagi sektor perkhidmatan serta mengurangkan kos transaksi dalam perniagaan di jangka dapat meningkatkan lagi pendapatan serta pelaburan negara. Dengan pelaksanaan langkah serta inisiatif tersebut, impak krisis ekonomi dunia kepada ekonomi negara dapat dikurangkan.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam mencapai matlamat ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020, dasar dan program Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti, pembangunan modal insan, kreativiti dan inovasi seperti digariskan dalam Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Bagi tujuan mengelakkan dari melebar jurang pendapatan antara kaum dan di kalangan kaum itu sendiri, pelbagai mekanisme dalam RMKe-10 telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap pendapatan rakyat terutamanya kumpulan isi rumah 40% terendah, antaranya:

- i. Program peningkatan keupayaan dan kebolehan (*capacity and capacity building*) melalui program pendidikan, latihan kemahiran dan program keusahawanan;
- ii. Program peningkatan pendapatan secara bersepadu melalui pelaksanaan program agropolitan dan perladangan kontrak; dan
- iii. Melaksana program khusus untuk kumpulan sasar yang mempunyai keperluan tertentu seperti masyarakat Orang Asli dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak; penduduk di kampung baru Cina dan pekerja ladang yang sebahagian besarnya berketurunan India.

Antaranya program tersebut adalah Program Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina iaitu dengan menyediakan dana pinjaman mudah (soft loan) kepada penduduk kampung baru bagi memperbaharui pajakan tanah, membiayai aktiviti perniagaan dan menaiktaraf rumah. Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India, Program Pembangunan Kepimpinan dan Sahsiah Masyarakat India, Program Latihan Kemahiran Belia India dan Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI) serta program pembangunan usahawan dan kontraktor Bumiputera di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

Justeru, Kerajaan percaya dengan usaha gigih dan penglibatan semua

pihak, Malaysia mampu mencapai matlamat Wawasan 2020 dengan anggaran pendapatan per kapita negara sekurang-kurangnya AS\$15,100 menjelang tahun 2020.

Nota : Persidangan Dewan Rakyat

\*\*\*Jawapan No. Soalan 31 Y.B. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) bersekali pada 13 Mac 2012 daripada Kementerian Kewangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN            LISA  
DARI PAD A            N  
                                 YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)  
TARIKH                    12 APRIL 2012

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah matlamat NKRA berhubung kawalan ke atas sumbangan dana politik telah tercapai.

JAWAPAN:            DATO'SERI MOHAMEDNAZRI ABDUL AZIZ  
                                 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, tujuan utama pelaksanaan kawalan sumbangan dana politik adalah untuk meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam urusan pilihanraya di Malaysia. Ini bagi memastikan bahawa sumbangan dana bagi tujuan politik tidak disalah guna oleh mana-mana individu dalam parti politik. Dalam usaha ini Kerajaan telah bersetuju bahawa mana-mana sumbangan dana politik akan dimasukkan ke dalam akaun rasmi parti politik, direkod dan dikeluarkan resit penerimaan dan boleh diaudit. Kerajaan yakin inisiatif berkenaan mampu mencegah rasuah dan penyalahgunaan dana pada peringkat akar umbi yang akan memberi manfaat kepada parti dan orang awam.

NO. SOALAN: 32

Sekian, terima kasih.



DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO'MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]

TARIKH 12 APRIL 2012 [KHAMIS]

SOALAN

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pasangan yang melangsungkan perkahwinan di negara jiran Thailand mengikut pecahan negeri sejak 2010 yang lalu serta apakah strategi kerajaan bagi memastikan jumlah itu terus berkurangan.

JAWAPAN: (Y.B.SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla Thailand, jumlah pasangan Malaysia yang melangsungkan perkahwinan di negara Thailand sejak 2010 hingga Februari 2012 adalah seramai 6,692 pasangan. Dari jumlah 6,692 pasangan tersebut, seramai 3,260 pasangan melangsungkan perkahwinan dalam tahun 2010; 2.885 pasangan dalam tahun 2011; dan 547 pasangan bagi tempoh Januari hingga Februari tahun 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasangan rakyat Malaysia yang bernikah di selatan Thailand melibatkan hampir kesemua negeri di Malaysia termasuk mereka yang menetap di Sabah dan Sarawak. Jumlah paling ramai yang melangsungkan pernikahan di Selatan Thailand adalah dari kalangan pasangan yang menetap di negeri-negeri yang jaraknya hampir atau bersempadan dengan Selatan Thailand iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Perak dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, bilangan pasangan yang memilih untuk melangsungkan perkahwinan mereka di Selatan Thailand tidak hanya terhad kepada pasangan-pasangan yang menetap di negeri-negeri yang hampir atau bersempadan tersebut, malah turut melibatkan mereka yang menetap di lain-lain negeri seperti Pahang, Selangor, Kuala Lumpur, Putraya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Destinasi pilihan paling popular bagi rakyat Malaysia yang memilih untuk bernikah di Selatan Thailand adalah Majlis-majlis Agama Islam di Sonqkhla - 5.178 pasangan. Narathiwat - 334 pasangan. Yala - 357 pasangan. Satun - 330 pasangan. Pattani - 476 pasangan. Phuket - 2 pasangan. Phang Nqa - 1 pasangan. Patthalung - 14 pasangan.  
Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat memandang berat isu perkahwinan yang tidak mengikut peraturan memandangkan ia akan memberi kesan kepada hak-hak wanita dan hak-hak kanak-kanak/anak-anak. Justeru peraturan sedia ada bukanlah untuk memberatkan atau menyusahkan, bahkan adalah untuk menjaga masalah semua pihak terutama kebajikan dan hak-hak isteri atau isteri-isteri sedia ada begitu juga kebajikan dan hak anak-anak yang

perlu dijaga.

Bagi pihak Kerajaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan isu nikah di Thailand terutamanya nikah di Selatan Thailand mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Antaranya ialah :-

- a) JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di seluruh Malaysia serta agensi berkepentingan telah bersama-sama mengadakan sesi lawatan dan kunjung hormat kepada Pejabat Perwakilan Malaysia di Songkhla Thailand untuk membincangkan secara serius mengenai isu nikah warganegara Malaysia di Selatan Thailand bersama. Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla, Thailand pada 12 Julai 2011; dan
- b) JAKIM dan JAIN juga telah mengadakan lawatan dan kunjung hormat kepada semua Yang Dipertua Majlis Agama Islam di Wilayah Songkhla, Satun, Yala, Pattani dan Narathiwat (yang mempunyai autoriti melaksanakan pernikahan di wilayah berkenaan) pada 12 - 14 Julai 2011. Ini kerana kebanyakan permohonan nikah di Selatan Thailand dilaksanakan di lima wilayah tersebut yang bersempadan Malaysia-Thailand .

Kerjasama antara kedua-dua buah negara ini terutama dengan Majlis-majlis Agama Islam di Wilayah-wilayah bersempadan akan diteruskan. Kerjasama ini membolehkan banyak isu diselesaikan, terutamanya isu-isu yang melibatkan pematuhan undang-undang sedia ada dan yang paling utama adalah isu yang melibatkan kesahihan nasab umat Islam

serantau secara amnya dan umat Islam Malaysia secara khususnya.

Disamping itu, Kerajaan juga sentiasa terus mempertingkatkan kefahaman mengenai perkahwinan dan kekeluargaan kepada masyarakat melalui:

- a) **memperhebatkan Kempen-kempen Perkahwinan Dan Kekeluargaan** seperti Kempen Sah Nikah Sah Nasab, Program Rumahku Syurgaku dan *Road Tour* Hak-Hak Suami Isteri bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat tentang hak-hak dalam perkahwinan, hak dan tanggungjawab suami, hak dan tanggungjawab isteri dan hak dan tanggungjawab anak-anak;





Sementara itu, jumlah kekurangan guru pada 31 Januari 2012 di Sekolah Menengah Harian ialah seramai 2661 orang. Mata pelajaran yang masih mengalami kekurangan guru ialah subjek Bahasa Melayu, Sejarah, Geografi, Ekonomi Rumah Tangga, Sains Pertanian dan Pendidikan Jasmani. Bagi menangani isu kekurangan guru di SJKC, KPM telah melaksanakan beberapa langkah iaitu:

- i) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Kekurangan Guru di SJKC. Sehingga kini sebanyak dua (2) mesyuarat telah diadakan untuk mendapatkan satu penyelesaian yang terbaik dalam waktu terdekat.

- ii) Mencadangkan Penempatan Semula (*Redeployment*) guru Bahasa Malaysia dari SK ke SJKC Gred A dan B sahaja untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia di Tahun 3 hingga Tahun 6.
- iii) Mencadangkan supaya guru opsyen Pengajian Cina di SJKC yang telah lama mengajar mata pelajaran lain lebih dari lima (5) tahun (contohnya Matematik dan Sains) diberikan latihan tambah opsyen melalui Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO).
- iv) Melulus sejumlah 4,407 jawatan di sekolah menengah untuk diisi secara sementara oleh calon guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan tetapi belum dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sebagai guru interim sehingga 15 April 2012.
- v) Melulus sejumlah 1,848 jawatan di SJKC dan 128 jawatan di SJKT untuk diisi secara sementara oleh guru interim sehingga bekalan guru tetap dapat dibekalkan oleh SPP.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARI PAD A Y.B. DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM  
SULTAN ABU BAKAR  
(JERANTUT)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 12.04.2012

Y.B. DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [ JERANTUT ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah wajar Malaysia Airline (MAS) mengiklankan pihaknya menerusi pakaian jersi bola pasukan Queens Park Rangers (QPR) di England. Sebanyak manakah perbelanjaan dalam bentuk penajaan (*sponsorship*) oleh pihak (MAS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penajaan jersi pasukan Queens Park Rangers (QPR) oleh Malaysia Airlines System Bhd (MAS) adalah sebahagian daripada pelan perniagaan MAS untuk mempromosi dan mengukuhkan MAS sebagai syarikat penerbangan premium pilihan. Inisiatif ini merupakan platform publisiti yang baik kerana penyiaran lebih daripada 380 perlawanan *Barclays Premier League* setiap musim akan mempromosi MAS secara lebih meluas, dengan anggaran 3.51 juta orang penonton di serata dunia. Selain itu, penajaan ini juga merupakan inisiatif penjenamaan semula MAS yang dijangka akan dapat meningkatkan hasil

saham MAS.

syarikat dan seterusnya peningkatan nilai

NO SOALAN :38-"

2. Jumlah keseluruhan kos penajaan MAS untuk QPR bagi *Barclays Premier League* musim 2011/2012 adalah sebanyak RM36.48 juta (UK Pound 7 juta), merangkumi penajaan jersi, pengiklanan LED dan latar belakang wawancara ( *backdrop*).

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHU AN  
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 12 APRIL 2012 [KHAMIS]

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] akan dibuat untuk membolehkan pasangan bukan Islam mendapat pembelaan di Mahkamah Sivil apabila pasangan yang lain memeluk agama Islam.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMILKHIR BIN HAJI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan adalah bertujuan untuk menjamin keadilan dan kebajikan di kedua-dua belah

pihak, orang Islam dan orang bukan Islam.

Pindaan terhadap Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], Akta Pentadbiran Undang- Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] akan dibentangkan di Parlimen setelah rundingan dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]

**TARIKH** 12 APRIL 2012

**RUJUKAN** 4561

**SOALAN:**

Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan berkaitan tahanan

- tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan EO memandangkan Perdana Menteri sudah menyatakan hasrat untuk memansuhkan kedua-dua akta ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, ingin saya perjelaskan di sini bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) masih lagi berkuat kuasa sehinggalah usul pemansuhan rang undang-undang tersebut diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Sehubungan itu, kesemua tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 masih lagi tertakluk kepada tindakan di bawah Akta ini.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pada 10 April 2012 Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 telah dibacakan untuk kali pertama di Dewan yang mulia ini selaras dengan pengumuman YA.B Perdana Menteri bagi memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA).

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 pula, Kementerian Dalam Negeri telah mula melaksanakan pembebasan kesemua tahanan secara berperingkat-peringkat. Sehingga kini, seramai 533 tahanan telah



dibebaskan sejak perungkaian Proklamasi Dharurat 1969 pada 20  
Disember2011 yang lalu.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

### RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI  
MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]

TARIKH JAWAPAN : 12 APRIL 2012 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

### SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bahawa Tenaga Nasional Berhad (TNB) ketika ini telah memperkenalkan bacaan bulanan jangka berselang seli untuk sebahagian daripada pengguna domestik. Terdapat rungutan pelanggan bahawa kaedah ini mereka tidak dapat menikmati '*band*' tarif terendah dengan sepenuhnya. Apakah tindakan TNB untuk menangani masalah ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mula melaksanakan bacaan meter 2 bulan sekali atau berselang seli sejak awal tahun 2009. Seterusnya, kaedah ini dilaksanakan di semua negeri Semenanjung Malaysia mulai pertengahan tahun 2010. Berikutan aduan daripada orang awam yang kurang berpuashati dengan kaedah pembacaan meter secara 2 bulan sekali ini, Kementerian telah mengarahkan pihak Suruhanjaya Tenaga bersama pihak TNB untuk mengkaji dan melaksanakan penambahbaikan ke atas kaedah pengiraan bacaan meter. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh TNB adalah jumlah bil elektrik bagi bil anggaran adalah berdasarkan purata daripada penggunaan elektrik bagi enam bulan sebelumnya.

Kebiasaannya tempoh bacaan meter adalah kurang atau sama dengan jumlah bilangan hari dalam sebulan. Bagaimanapun, sekiranya tempoh bacaan meter melebihi bilangan hari dalam sebulan, maka jumlah bil



akan dikira secara prorata. Sehubungan dengan itu, pengguna tidak akan mengalami sebarang kerugian dan tidak akan dikenakan caj pada 'band' tarif yang lebih tinggi walaupun TNB membaca meter melebihi bilangan hari dalam bulan tersebut.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mulai pertengahan tahun 2012, TNB dijangka akan memulakan projek perintis *Remote Meter Reading*, dengan izin, untuk pengguna domestik dan komersial. Projek ini membolehkan bacaan meter dilakukan daripada pejabat TNB, iaitu tanpa perlu melawat premis pengguna seperti kebiasaannya. Inisiatif jangka panjang ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di seluruh Semenanjung. Inisiatif ini juga akan dapat mengurangkan amalan TNB membaca meter 2 bulan sekali.

Saya juga ingin memaklumkan di sini bahawa sekiranya pengguna tidak berminat untuk menerima bil secara selang seli, para pengguna boleh membuat bacaan meter sendiri *atau Self Meter Reading*, dengan izin. Pengguna boleh membuat bacaan sendiri melalui kaedah berikut: a)

Menelefon Pusat Khidmat Pelanggan yang beroperasi 24 jam;

Menghantar bacaan meter secara faks kepada Pusat Khidmat

Pelanggan; atau

Mengemaskini bacaan meter menggunakan kemudahan laman web

TNB iaitu [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my).

\*\*\*\*\*



PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN            LISAN  
DARIPADA             DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]  
TARIKH                 12.04.2012                                     (KHAMIS)

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sejak diperkenalkan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M), sejauh manakah ia telah memberi pulangan kepada rakyat dari aspek perbelanjaan serta membantu meringankan bebanan bulanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) diperkenalkan, ia telah memberikan pulangan kepada rakyat dari aspek perbelanjaan serta membantu meringankan bebanan bulanan serta mengurangkan kos sara hidup rakyat. Ini kerana KR1M telah membantu pengguna dengan memberi manfaat dengan menawarkan barangan keperluan pengguna pada harga sehingga 50% lebih rendah berbanding barangan

**NO. SOALAN : 39**

**sama berjenama, namun kualiti tetap diutamakan.**

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN  
(TANJONG MALIM)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.04.2012

Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan rancangan Kementerian untuk melepaskan kepentingan dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan (*Government Link Companies*) kepada syarikat swasta. Bagaimanakah proses penilaian dan pemilihan dibuat dalam menentukan syarikat swasta yang betul-betul layak dipilih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan YB Gombak pada hari ini bersama dengan pertanyaan YB Tanjong Malim yang sepatutnya dijawab pada 12 April 2012 memandangkan kedua-dua pertanyaan menyentuh perkara yang sama berhubung pelupusan kepentingan dalam syarikat berkaitan Kerajaan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, pelupusan syarikat atau aset tidak teras ( *non-core assets*) kepunyaan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Februari 2012, sebenarnya merupakan sebahagian daripada strategi pelupusan aset sedia ada Khazanah yang dijalankan dari semasa ke semasa, sejak menerima mandat baru pada Mei 2004. Di samping itu, Khazanah turut komited untuk melupuskan pegangan tidak terasnya ( *non-core holdings*) selaras dengan strategi pelupusan tersebut.

3. Sejak Mei 2004 hingga 31 Disember 2011, Khazanah telah melupuskan aset berjumlah RM31.7 bilion dengan memperoleh hasil keuntungan berjumlah RM13.6 bilion. Ini bermakna Khazanah secara puratanya, telah melupuskan aset bernilai kira-kira RM4 bilion setiap tahun.

4. Secara ringkas, aset teras merupakan aset yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan asas atau strategik kepada negara, sesuatu yang secara amnya tidak harus dimiliki secara mutlak oleh sektor swasta. Di antara contoh aset teras termasuk aset dalam sektor tenaga, telekomunikasi dan infrastruktur. Khazanah sentiasa memantau dan mengemas kini aset-aset teras miliknya berdasarkan strategi dan mandat selain daripada inisiatif untuk membangun serta mewujudkan nilai (*value creation*) untuk syarikat-syarikat miliknya. Manakala aset tidak teras pula merupakan aset yang tidak menyediakan perkhidmatan asas atau strategik dan di mana sektor swasta turut memiliki atau menyediakan perkhidmatan yang sama. Secara amnya, penglibatan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dalam perniagaan yang sama boleh menyempitkan peluang (*crowd out*) syarikat-syarikat swasta tersebut.

5. Dalam hal pelupusan pegangan pelaburan yang tidak teras pula, Khazanah mengurangkan jumlah pegangannya apabila nilai telah meningkat dalam syarikat-syarikat tersebut. Pelupusan pelaburan tidak teras ini adalah seari dengan peranan yang ditetapkan untuk GLIC dan GLC di bawah Model Baru Ekonomi (MBE) iaitu menumpukan kepada bidang operasi teras dan melupuskan aset yang tidak teras dan tidak kompetitif.

6. PNB pula merupakan syarikat pegangan pelaburan yang menjana pendapatan melalui aktiviti-aktiviti pelaburan termasuk aktiviti jual beli saham syarikat. Aktiviti ini dijalankan berlandaskan pertimbangan pelaburan yang holistik untuk memastikan PNB dapat menjana pendapatan bagi memberi pulangan yang kompetitif kepada pelabur-pelabur dana unit amanah di bawah pengurusannya. Inilah resipi kejayaan PNB selama ini sehingga dapat memberi pulangan sebanyak lebih RM90 billion sepanjang lebih 30 tahun penubuhannya.

7. Proses pelupusan yang dilaksanakan oleh Khazanah dan PNB adalah merupakan satu proses yang terancang dan berpandukan tadbir urus yang ketat, di mana keputusan muktamad berkenaan dengan setiap pelupusan dibuat oleh Lembaga Pengarah syarikat. Khazanah dan PNB sentiasa memantau semua pelaburannya dan akan hanya melupuskan pegangannya pada masa yang sesuai. Beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum satu-satu aset dilupuskan, antara lainnya, nilai yang telah ditingkatkan, status sebarang inisiatif transformasi untuk meningkatkan nilai dan saiz pegangan Khazanah dan PNB dalam aset berkenaan. Sebahagian daripada usaha peningkatan nilai oleh Khazanah dan PNB dalam pelaburannya telah melibatkan kerjasama dengan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) lain dan syarikat-syarikat bukan GLC dari sektor swasta.



NO  
SOAL 41  
AN  
\*44

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. TUAN WEE CHOO  
KEONG (WANGSA MAJU)

PERTANYAAN LISA  
N

TARIKH

12.04.2012

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan status terhadap siasatan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Kuala Lumpur yang berkaitan dengan rahsia pertukaran saham di antara MAS-AirAsia, perdagangan dalaman (*insider trading*) saham MAS dan AirAsia serta kegagalan untuk membuat pengumuman awam oleh AirAsia Bhd dan MAS di Bursa Kuala Lumpur sebelum 8-8-2011 di mana perniagaan saham terhadap kedua-dua syarikat tersebut digantung.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bursa Malaysia telah meneliti pengumuman awam yang dibuat oleh Air Asia dan MAS bertarikh 9 Ogos 2011 berhubung dengan perjanjian kerjasama di antara Air Asia dan MAS serta perjanjian pertukaran waran di antara Air Asia dan MAS dan mendapati bahawa tiada ketidakpatuhan mana-mana kehendak di bawah Kaedah Penyenaraian Bursa Malaysia (*Bursa Listing Requirements*). Justeru itu, tiada tindakan lanjut oleh pihak Bursa Malaysia dari aspek ini.

2. Suruhanjaya Sekuriti juga telah membuat penelitian ke atas pola dagangan (*trade patterns*) dan volum dagangan syer Air Asia pada tempoh masa yang berkenaan, termasuk mendapatkan pandangan daripada pakar bebas, dan mendapati tiada elemen yang menunjukkan terdapat aktiviti manipulasi.

3. Berhubung dengan aktiviti dagangan syer MAS pada tempoh masa yang relevan, siasatan pihak Suruhanjaya Sekuriti ke atas kemungkinan terdapat dagangan dalaman (*insider trading*) masih dijalankan.

*ViE- sOfclAM*

• M2. NOAUM-:

45

**N6-aWP-**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [ KUALA NERUS ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>12 APRIL 2012</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>4562</b>

**SOALAN :**

**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah jenayah berat yang dilakukan dengan menggunakan kenderaan bercermin gelap dalam tempoh 5 tahun terakhir.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa peka dan prihatin ke atas sebarang jenayah di negara ini sama ada yang dilakukan oleh orang perseorangan atau pun secara berkumpulan. Walau bagaimanapun, PDRM tidak mempunyai sebarang statistik mahu pun data khusus berhubung jenayah yang dilakukan dengan menggunakan kenderaan bercermin gelap. Hal ini kerana kes-kes jenayah yang sering dilaporkan dan direkodkan adalah jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Walau bagaimanapun, pihak PDRM sentiasa meningkatkan lagi pemantauan dan penguatkuasaan bukan sahaja di kawasan-kawasan *hotspot* malah juga di kawasan-kawasan tanggung jawab yang lain bagi memastikan jenayah di negara ini dapat diatasi dengan berkesan.

NO. SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]
TARIKH	12 APRIL 2012
RUJUKAN	4563

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindak balas PDRM terhadap cadangan- cadangan dan syor-syor suruhanjaya aduan dan salah laku polis sejak tahun 2004:-

- (a) berapa cadangan dan syor telah diguna pakai, berikan butir-butirnya; dan
- (b) apakah pendirian Kementerian terhadap kesemua cadangan-cadangan dan syor-syor suruhanjaya aduan dan salah laku polis ini.

## JAWAPAN :

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, Suruhanjaya yang ditubuhkan pada tahun 2004 adalah Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia. Kebanyakan daripada cadangan dan syor suruhanjaya ini telah dilaksanakan oleh pihak PDRM.

Daripada 125 cadangan yang disyorkan itu, sebanyak 87 atau 70% cadangan telah diklasifikasikan sebagai telah dilaksanakan, 29 atau 23% cadangan dalam pelaksanaan, 1 atau 1% cadangan sebagai masih dalam kajian, sementara hanya 8 atau 6% cadangan tidak dapat dilaksanakan.

Selain daripada itu, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP/EAIC) yang mula beroperasi pada 1 April 2011 selaras dengan berkuat kuasanya **Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]** yang telah kita luluskan di Dewan yang mulia ini.

SIAP berperanan sebagai sebuah suruhanjaya bebas yang berfungsi untuk menerima aduan daripada orang ramai sekiranya

ada mana-

mana pegawai mahupun anggota agensi-agensi penguatkuasa yang terlibat dalam penyalahgunaan kuasa, penyelewengan mahupun perkara-perkara lain yang bersabit dengan integriti. Suruhanjaya ini bukan sahaja merangkumi PDRM malah mencakupi 20 agensi penguatkuasaan Kerajaan lain seperti Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen Malaysia, RELA, Jabatan Pendaftaran Negara dan lain-lain.

## **NO. SOALAN**

### **:44 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**

**TARIKH : 12 APRIL 2012**

## **SOALAN**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan secara terperinci rancangan dan kos yang terlibat dalam pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (Western Coastal Highway) sepanjang 316 km dari Banting ke Taiping yang dilaporkan akan mengadakan kutipan tol selama 60 tahun.

## **JAWAPAN**

Kerajaan berpandangan bahawa soalan berkaitan kos dan terma-terma perjanjian wajar dijawab setelah perjanjian konsesi berhubung pelaksanaan projek ini ditandatangani.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM  
TARIKH 12 APRIL 2012  
SOALAN TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan pada 21 November lepas, YB Menteri telah memaklumkan kepada Parlimen bahawa senarai usahawan yang menerima bantuan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) boleh didapati di pejabat TEKUN berkenaan, namun mengapa permintaan Kerajaan Negeri Selangor sehingga kini tidak mendapat respon.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang dinyatakan pada 21 November, TEKUN Nasional bersedia memberikan senarai nama usahawan yang mendapat pinjaman TEKUN di bawah Negeri Selangor. Maklumat akan dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar Selangor. (Maklumat diberikan kepada siapa dan tertakluk kepada kriteria apa)

Walaupun bagaimanapun, senarai nama ini adalah maklumat peribadi dan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Senarai tersebut akan diserahkan secara berperingkat mengikut kawasan parlimen yang dikehendaki. (Nyatakan statistik senarai yang telah diserahkan mengikut negeri)



NO SOALAN <sup>1, 2</sup>  
50  
Ab

DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN (KUBANG  
RAKYAT, MALAYSIA KERIAN)  
PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH 12.04.2012

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah hutang negara yang sebenar mengikut pecahan hutang fizikal (pinjaman) dan jaminan oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat-syarikat serta badan-badan lain.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 53.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM438.0 bilion atau 96.0 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM18.1 bilion atau 4.0 peratus merupakan hutang luar negeri. Jumlah hutang luar negeri yang rendah adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang mengutamakan pinjaman dalam negeri yang mempunyai kecairan yang tinggi, kos pinjaman yang lebih rendah serta dapat

meminimumkan risiko pertukaran mata wang asing.

2. Kerajaan dari semasa ke semasa memberikan jaminan kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

3. Sehingga 31 Disember 2011, jumlah contingent liability Kerajaan Persekutuan iaitu baki pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan adalah sebanyak RM116.76 bilion terdiri daripada pinjaman domestik RM109.14 bilion (93.5%) dan pinjaman luar RM7.62 bilion (6.5%). Jaminan berkenaan melibatkan 2 badan berkanun dan 26 syarikat berkaitan Kerajaan.

4. Pinjaman berkenaan digunakan untuk membiayai projek strategik negara yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat termasuk projek pembangunan modal insan, bekalan air dan elektrik serta pengangkutan awam.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Disember 2011, semua syarikat yang dijamin oleh Kerajaan telah membayar hutang mereka dengan baik dan teratur.

**Nota : Persidangan Dewan Rakyat**

**\*\*\*Jawapan No. Soalan 47 Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) bersekali pada 13 Mac 2012 daripada Kementerian Kewangan.**

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI  
(SABAK BERNAM)

TARIKH

12.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [ SABAK BERNAM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan minat lebih ramai pelajar dalam bidang sains dan nyatakan adakah Kementerian bercadang memberikan insentif khas kepada pelajar yang mengikuti pengajian sains contohnya seperti elaun bulanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di negara ini, satu Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera Peringkat KPM telah digerakkan untuk mengkaji secara menyeluruh kurikulum dalam bidang akademik, teknikal dan vokasional serta mencadangkan tindakan yang diambil bagi memastikan dasar 60:40 aliran Sains dan TeknikahSastera di peringkat menengah atas mencapai sasaran. Bagi mengatasi kadar penyertaan murid dalam bidang Sains ini, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha dan aktiviti untuk tujuan tersebut, antaranya ialah:

- i. Mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang sains kepada murid;
- ii. Mengadakan lebih banyak program galakan sains di peringkat sekolah;
- iii. Mengadakan Program Pusat Pembelajaran Sains dengan memberi peluang kepada murid yang mendapat gred C dalam Sains dan Matematik untuk mengikuti aliran Sains;
- iv. Menambahbaik kemudahan makmal sains melalui pembekalan peralatan sains; dan
- v. Menekankan konsep pengajaran yang berbentuk kreatif, inovatif dan menyeronokkan dalam bilik darjah khususnya dalam KSSR

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, KPM turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Contohnya dengan Akademi Sains Malaysia untuk meningkatkan minat murid terhadap Sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *la main a la pate. (hands-on)*; dan mengadakan aktiviti galakan sains seperti Kembara Sains bersama Petrosains Program Pusat Pembelajaran Sains, Program Pertandingan Robotik, Program Kem Kecemerlangan *International Chemistry Olympiad*, Program *F1 Technology Challenge*, Kem *River Rangers. Science Action Team*, Hari Air Sedunia dan sebagainya.

Walaupun KPM belum lagi bercadang memberikan insentif khas kepada murid yang mengikuti pengajian sains contohnya seperti elaun bulanan, namun KPM memperkenalkan bantuan pendidikan dalam bentuk biasiswa kepada murid yang memenuhi syarat kelayakan mendapat biasiswa pendidikan.

SOALAN NO : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[KOTA RAJA]  
TARIKH 12 APRIL 2012  
SOALAN

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah polisi Kerajaan mengenai penggunaan radiasi sebagai satu cara mengawet makanan dan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan makanan import yang diradiasi selamat untuk penggunaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa peka akan isu berhubung keselamatan makanan termasuklah iradiasi makanan. KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bertanggungjawab untuk memastikan semua makanan adalah selamat.

KKM membenarkan penggunaan radiasi sebagai satu cara mengawet makanan sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan

Iradiasi Makanan 2011. Peraturan ini telah diwartakan pada 21 April 2011 dan ia menetapkan keperluan pendaftaran premis iradiasi makanan, operasi premis iradiasi makanan, perakuan iradiasi dan kehendak-kehendak pembungkusan dan pelabelan. Peraturan-Peraturan ini akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta. Buat masa ini, kelulusan bagi iradiasi makanan untuk pasaran import dan domestik perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia seperti mana diperuntukkan di bawah Peraturan 396, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Peraturan-Peraturan Iradiasi Makanan 2011 juga merujuk kepada Standard Malaysia MS 1265: Kod Amalan Iradiasi Makanan yang Baik (Bahagian 1- 10) sebagaimana diperuntukkan di bawah Jadual Kedua peraturan tersebut. Jadual ini menetapkan keperluan bagi beberapa komoditi makanan tertentu iaitu bebawang dan ubi, buah-buahan dan sayur-sayuran segar, bijirin dan hasil kisarnya, kekeras (meliputi buah *chestnut*, kelapa),

*oil seeds*, kekacang, buah-buahan kering dan hasilnya, ikan dan hasil ikan serta kaki katak, daging dan hasil daging, sayur-sayuran kering, rempah, kondimen, herba kering, teh, koko dan hasil koko, makanan kering bersumberkan haiwan dan makanan selain dinyatakan di atas.

Sehingga kini, hanya terdapat buah mangga yang diiradiasi dari Australia diluluskan untuk di import ke Malaysia berdasarkan Peraturan 396, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. KKM memantau semua makanan yang diimport melalui sistem berkomputer di KKM iaitu *Food Safety*

*Information System of Malaysia* (FoSIM) yang berantara muka dengan Sistem Maklumat Kastam (SMK). FoSIM merupakan sistem pintar berasaskan web dalam pengurusan surveilan keselamatan makanan bagi memastikan makanan yang dijual di Malaysia adalah selamat.





**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**

**TARIKH**

**12 APRIL 2012**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan dari sudut komersial dan kebajikan peneroka FELDA apabila tanah FELDA Plantations Sdn Bhd seluas kira-kira 360,000 hektar mahu dipajak kepada FELDA Global Ventures Holdings Sdn Bhd (FGV) selama 99 tahun dan apakah kaitan keputusan hendak memajak tanah FELDA Plantations itu dengan keputusan Kerajaan hendak menyenaraikan FGV di Bursa Malaysia.

**JAWAPAN**

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, hak milik dan tanah kesemua peneroka FELDA tidak akan disentuh.

Dengan penyenaiaan, FGVH akan dapat merungkai nilai tanah ladang tersebut di samping dapat meningkatkan produktiviti ladang.

Secara tidak langsung, peneroka FELDA pada masa akan datang berpeluang untuk berkongsi hasil keuntungan ladang yang diuruskan oleh Felda Global Ventures Holdings (FGVH) melalui penyenaiaan ini.

oooooooooooooooooooo

SOALAN NO.: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
LISAN

: YB. TUAN MAN ICKAVAS AGAM A/L

PERTANYAAN SUNDARAM

DARIPADA

: KAPAR

12 APRIL 2012 (KHAMIS)

KAWASAN

TARIKH

SOALAN:

YB. TUAN MAN I CKAVAS AGAM A/L SUNDARAM minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah Kerajaan bercadang  
untuk memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol Sungai Rasau dan Batu Tiga  
kedua-duanya di Lebuhraya Persekutuan II. Sekiranya ya, bilakah ia akan  
dilaksanakan. Sekiranya tidak, kenapa.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kadar tol bagi lebuhraya-lebuhraya di bawah konsesi PLUS Expressways Berhad - termasuk Lebuhraya Persekutuan 2 - telah mengalami penstrukturan semula sebanyak 3 kali, iaitu pada tahun 1999, 2002 dan 2005.

Berdasarkan Perjanjian Konsesi Tambahan pada tahun 2005, kadar tol mengikut Perjanjian Konsesi untuk tahun 2012 bagi kenderaan kelas 1 di Lebuhraya Persekutuan 2, iaitu di Plaza Tol Sg. Rasau ialah sebanyak RM1.20 dan Plaza Tol Batu Tiga pula RM1.30. Namun demikian, setelah mengambil kira beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh pengguna, Kerajaan atas dasar keprihatinan telah memutuskan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol di Lebuhraya PLUS pada tahun 2008 dan sekali lagi pada tahun 2011. Ini bermakna kadar tol di kedua-dua plaza tol berkenaan terus kekal kepada kadar semasa sedia ada, iaitu RM1.00 di Plaza Tol Sg. Rasau dan RM1.10 di Plaza Tol Batu Tiga. Berikutan dari itu, Kerajaan terpaksa menjelaskan pampasan kepada pengendali syarikat konsesi berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk memansuhkan kutipan tol di Lebuhraya Persekutuan 2 akan melibatkan implikasi pampasan kewangan yang sangat tinggi kepada Kerajaan. Tambahan pula ia berkemungkinan akan melibatkan juga berlaku kebocoran

trafik di lebuhraya yang berhampiran. Sehubungan itu, Kerajaan pada masa ini sedang menimbang secara terperinci beberapa opsi yang lebih praktikal dan pragmatik untuk meringankan beban yang ditanggung oleh pengguna lebuhraya, termasuk di Lebuhraya Persekutuan 2. Opsi-opsi ini perlu mengambil kira pelbagai faktor seperti keadilan sosial dan kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhannya.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAM RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2012) \_\_\_\_\_**

**PERTANYAAN :            LISAN**

**DARIPADA                Y.B. DATO' DR HAJI MOHD HAYATI BIN**

**OTHMAN (PENDANG)**

**TARIKH                 :     12 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pihak manakah yang membuat pemantauan dan pematuhan terhadap Islamic Manufacturing Practice (IMP) yang dijalankan agar ia benar-benar mematuhi piawaian syariah dan berapa jumlah syarikat yang terlibat mengeluarkan produk IMP ini

NO.SOALAN: 52

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Malaysia pembangunan standard adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Standard Malaysia berdasarkan Akta Standard Malaysia 1996. Setiap standard yang



dibangunkan perlu melalui peringkat-peringkat tertentu sehingga diwartakan.

Pembangunan standard halal di Malaysia melibatkan pelbagai agensi-agensi termasuklah JAKIM dan juga pihak-pihak berkepentingan seperti wakil pengguna dan industri selaras dengan peraturan-peraturan pembangunan standard antarabangsa.

Islamic Manufacturing Practice (IMP) adalah standard yang dibangunkan oleh individu dan tidak diiktiraf oleh Kerajaan serta tidak menepati keperluan pembangunan standard. Pihak kerajaan tidak memantau pematuhan terhadap IMP dan pihak Kerajaan juga tidak mempunyai maklumat tentang jumlah syarikat yang mendapat IMP.

Sekian, terima kasih.



N/0 ▶<sup>s</sup> O A 1-AfJ ■. ST^  
A I 811 .Jg?i£\*  
re<u> Pij;Ewi,-ou ■\*

MQ-AUE-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                      LISAN**

**TUAN GWO-BURNE LOH [ KELANA JAYA ]**

**DARIPADA**

**12 APRIL 2012**

**TARIKH**

**4564**

**RUJUKAN**

**SOALAN :**

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan pihak polis melalui laporan polis RPT 12581/99 pada 19 Ogos 1999 yang dibuat oleh Mohamad Ezam bin Mohd Nor berhubung aduan terhadap Peguam Negara dan Menteri Kabinet.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, semakan ke atas laporan polis tersebut tidak dapat dijalankan memandangkan tempat di mana laporan tersebut dibuat tidak dinyatakan. Pihak polis telah melakukan semakan di balai polis-balai polis berkaitan seperti Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam, Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi dan Balai Polis Tun H.S, Lee, namun usaha untuk mengesan laporan polis berkenaan tidak berjaya malah hasil semakan yang dibuat mendapati bahawa laporan polis rpt 12581/99 yang dijumpai tidak berkaitan dengan aduan terhadap Peguam Negara dan Menteri Kabinet seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

SOALAN N0:-5j:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH]**

TARIKH **12 APRIL 2012**

**SOALAN:**

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan royalti di atas penggunaan karya muzik yang disiarkan selepas beberapa tahun oleh RTM menjadi bahan media, dengan jumlah bayaran royalti terkecil berbanding Media Prima dan Astro. Sedangkan RTM antara paling banyak siaran tv dan radio.

**JAWAPAN:**

Tuan yang DiPertua,

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah memperkenalkan Sistem Bayaran Royalti dengan menetapkan bayaran secara “kadar tetap” sebanyak RM 1 Juta setahun mulai 1 Januari 2009. Pembayaran ini disalurkan kepada badan perlesenan karyawan muzik iaitu Badan Perlindungan Hak Cipta Karyawan Muzik Berhad (MACP), *Public Performers Malaysia*

## SOALAN NO: 57

(PPM), dan Badan Hak Perlaku dan Persembahan Artist (Malaysia) Sdn Bhd (PRISM) untuk diagihkan kepada penyanyi dan pencipta lagu yang telah disiarkan oleh RTM. Lazimnya, RTM akan menghantar senarai lagu-lagu yang telah disiarkan setiap 3 bulan sekali kepada badan perlesenan karyawan muzik ini berdasarkan *playlist* dari 34 stesen RTM.

Kementerian pada masa ini belum bercadang untuk meningkatkan royalti di atas penggunaan karya muzik ini dan akan mengkaji keperluan untuk meningkatkan kadar atau menambahbaik kaedah bayaran sedia ada dalam usaha mendokong industri muzik tanah air.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB 12  
TARIKH APRIL 2012 (KHAMIS)  
SOALAN NO. 58

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan status pembinaan Kolej Komuniti di dalam kawasan Parlimen Maran di mana pada masa kini tapak cadangan pembinaannya telah disalahgunakan. Apa bentuk tindakan pihak Kementerian terhadap pencerobohan tapak tersebut.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesuatu kolej komuniti dibuat berdasarkan keperluan setempat dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Di bawah tempoh *Rolling Plan* Kedua RMKe-10, tiada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi pembinaan kolej komuniti di seluruh negara termasuk di kawasan Parlimen Maran. Ketika ini, Kementerian juga tiada menetapkan mana-mana kawasan di Parlimen Maran sebagai tapak pembinaan kolej komuniti.

PERTANYAAN  
DARIPADA  
  
TARIKH

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA  
LISAN  
DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[HULU LANGAT]  
12.04.2012 (KHAMIS)

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah yang diambil dalam mengatasi kekurangan minyak masak dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani mengatasi kekurangan minyak masak adalah seperti berikut:

- i) Menubuhkan Jawatankuasa Bekalan dan Harga bagi membincangkan isu bekalan dan harga di antara Kementerian dan agensi yang berkaitan.
- ii) Mewujudkan bilik pusat operasi di Ibu Pejabat dan Pejabat PDNKK Negeri dan Daerah bagi memantau dan mengumpul maklumat kedudukan semasa bekalan minyak masak.



- iii) Mengambil tindakan memulihkan bekalan minyak masak dengan segera bagi kawasan yang terputus bekalan melalui arahan kepada kilang penapis minyak masak dan syarikat pembungkus semula minyak masak.
- iv) Membuat penyelarasan kuota bulanan dengan menarik sebahagian kuantiti pada bulan berikutnya untuk dilambakkan pada bulan-bulan tertentu.
- v) Mewujudkan mini stok diperingkat pemborong dan peruncit untuk menampung permintaan yang berlebihan dari pengguna.
- vi) Mengarahkan kilang penapis minyak masak menghantar *pre delivery plan* ke KPDNKK dan akan disahkan oleh Pejabat PDNKK Negeri atau Daerah sama ada penghantar tersebut telah sampai seperti dinyatakan oleh kilang penapis tersebut.
- vii) Menubuhkan pasukan audit untuk pemeriksaan khas ke atas mana-mana kilang penapis minyak masak, syarikat pembungkus semula minyak masak dan pemborong.
- viii) Mengenalpasti semua syarikat pembungkus semula minyak masak, pemborong, peruncit dan pengguna industri melalui nama dan alamat berpandukan '*chain of distribution*' bagi memastikan pengedaran hariannya tepat.
- ix) Meningkatkan pemeriksaan di hypermarket bagi memastikan tiada pembelian berlebihan dari pengguna (*panic buying*).
- x) Mengetatkan kawalan di sempadan melalui kerjasama dengan Kastam Diraja Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Polis Diraja Malaysia untuk membentaras penyelupan minyak masak ke negara jiran. Ini adalah kerana harga minyak masak di negara kita lebih murah berbanding negara jiran.

- xi) Mengambil tindakan undang-undang terhadap kegiatan-kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi. Sepanjang tahun 2012 sehingga 2 Mac sebanyak 39 kes telah diambil melibatkan 208,722 kg dan RM 364,961.15 rampasan.

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kekurangan minyak masak adalah seperti berikut:

- i) Industri Kecil Sederhana lebih berminat mendapatkan bekalan minyak masak yang bersubsidi berbanding mendapatkan bekalan minyak masak yang tidak bersubsidi dan ini menyebabkan bekalan minyak masak berkurangan terutamanya pada musim perayaan. Harga subsidi RM2.50/kg manakala harga bukan subsidi RM4.10/kg
- ii) Harga minyak masak di Malaysia murah berbanding dengan negara jiran seperti Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia. Ini menyebabkan penyeludupan ke negara jiran tinggi kerana permintaan dari negara jiran amat menguntungkan dan ditambah lagi dengan kualiti serta status halal.

Negara	Harga/Sekilogram
Malaysia	RM 2.50
Thailand	RM 4.20
Brunei	RM 5.50
Singapura	RM 7.50
Indonesia	RM 3.80

- iii) *Panic buying* dikalangan pengguna menyebabkan bekalan minyak masak berkurangan di pasaran. Ini adalah kerana pada kebiasaan pengguna hanya membeli 1 hingga 2 botol bersaiz 5 kg setiap keluarga pada setiap bulan. Kesan

daripada *panic buying* menyebabkan pembelian melebihi daripada kebiasaannya dan

pengguna biasanya menyimpan sehingga 5 botol bersaiz 5 kg setiap keluarga dan ini menyebabkan bekalan berkurangan dalam pasaran.

Penyelewengan kuota minyak masak bersubsidi di kalangan syarikat pembungkus minyak masak dengan mengeksport kuota tersebut ke luar negara untuk mendapatkan lebih keuntungan. Ini menyebabkan bekalan minyak masak berkurangan dalam negara.



**SOALAN NO.: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED HASHIM**

**KAWASAN BAYAN BARU 12 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**TARIKH**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED HASHIM (BAYAN BARU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kadar tol untuk teksi dikenakan sama dengan kenderaan persendirian di jambatan Pulau Pinang dan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan kadar tol seperti yang dikenakan di lain-lain lebuh raya.**

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Pemberian kadar diskaun tol sebanyak 50% lebih rendah untuk teksi berbanding kenderaan persendirian di lebuh raya-lebuh raya tertentu di negara ini bukanlah suatu bentuk dasar, sebaliknya ia diputuskan Kerajaan setelah mengambil kira faktor-faktor setempat, seperti mod trafik atau kaedah pengangkutan di sesuatu kawasan itu. Di samping Jambatan Pulau Pinang, terdapat juga beberapa buah lebuh raya lain yang menetapkan kadar tol untuk teksi bersamaan dengan kadar tol kenderaan persendirian, iaitu di Lebuh Raya Seremban - Port Dickson (SPDH), Lebuh Raya Sungai Besi (BESRAYA) dan Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, klasifikasi jenis kenderaan yang menggunakan jambatan Pulau Pinang ditetapkan sebagaimana di dalam Perjanjian Konsesi Jambatan Pulau Pinang, 1994 dan ia diwartakan melalui Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian), 1984 dan Perintah Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (jambatan Pulau Pinang), 1995. Sehubungan itu cadangan untuk memberikan kadar tol yang lebih rendah kepada teksi di Jambatan Pulau Pinang akan melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan daripada masa ke semasa akan sentiasa mengkaji dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan bagi memastikan kadar tol tidak

membebankan pengguna, termasuklah pemandu dan pengguna teksi di  
lebuh raya.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**       **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**           **TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED**  
                              **JAAFAR ALBAR TARIKH**  
                              **12 APRIL 2012 (KHAMIS)**  
**SOALAN**               **NO.4f**

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan universiti-universiti tidak berubah menjadi medan politik kepartian sama ada melalui aktiviti di luar ataupun di dalam kampus.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan dasar transformasi politik negara, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi hak pembabitian pelajar dalam parti politik sepertimana sedia termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Susulan daripada itu, pada akhir tahun 2011, Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan, Jawatankuasa telah mengadakan pertemuan, mesyuarat, menjalankan soal selidik atas talian, serta mendapatkan maklumbalas bertulis daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta





(IPTS) dan juga media baru seperti blog, e-mel, facebook, dan membuat sumbangsaran (brainstorming) bagi mengkaji, meneliti dan mencadangkan pindaan ke atas AUKU. Jawatankuasa turut mendapatkan maklum balas dan mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak stakeholders seperti Ahli Parlimen (parti pemerintah dan parti pembangkang), Persatuan Kakitangan Akademik IPTA dan Majlis Perwakilan Pelajar IPTA. Jawatankuasa juga turut meneliti idea dan saranan yang dikemukakan oleh pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Hasil dapatan daripada maklumbalas dan konsultasi tersebut, majoriti bersetuju agar AUKU dipinda bagi membenarkan pelajar bergiat aktif dalam politik hanya di luar kampus sekaligus mengekalkan sifat neutraliti politik kepartian di dalam kampus.

Dalam hal ini, pindaan AUKU seharusnya menyeimbangkan kebebasan pelajar berpolitik dengan kebebasan akademik. Pada masa yang sama, kebebasan berpolitik sewajarnya tidak mengganggu gugat IPT sebagai tempat menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ini bermaksud pelajar adalah dibenarkan terlibat dalam apa jua persatuan, badan atau kumpulan orang termasuk parti politik ketika di luar kampus. Namun, dalam masa yang sama neutraliti di dalam kampus sebagai pusat ilmu akan terus dikekalkan.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

SOALAN N0.59

DARIPADA

DATO' ABDUL MANAN  
[ PAYA BESAR ]

BIN ISMAIL

TARIKH

12 APRIL 2012

SOALAN:

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL minta PERDANA MENTERI

menyatakan apakah kesan baik dan buruk terhadap penggunaan dakwat kekal "*silver nitrate*" yang bakal digunakan pada PRU akan datang memandangkan terdapat desas-desus yang menyatakan bahawa dakwat tersebut sebenarnya tidak kekal.

JAWAPAN:

|  
YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwat kekal yang

### SOALAN NO.60

mengandung 'silver nitrate' itu merupakan sejenis dakwat yang bermutu tinggi yang mana tahap kekal-lamanya adalah tinggi.

Dakwat itu telah dihantar ke Jabatan Kimia pada 9 Disember 2011 untuk diteliti kandungan dan kesesuaiannya digunakan di negara ini. Ia juga dihantar Kementerian Kesihatan untuk memastikan ia tidak menjejaskan kesihatan pengguna secara umum.

Dakwat tersebut turut dihantar ke ke Majlis Fatwa Kebangsaan untuk memastikan ia sesuai digunakan orang Islam.

Hasil daripada ujian yang dijalankan Jabatan Kimia dan Kementerian Kesihatan mendapati penggunaannya tidak memudaratkan ataupun memberikan kesan sampingan.

Manakala Majlis Fatwa Kebangsaan pada 10 Januari 2012 telah memutuskan penggunaan dakwat kekal untuk mengundi dalam pilihan raya adalah harus dan dibenarkan. Walaupun ia merupakan dakwat kekal namun ia tidak menghalang air wudhuk untuk sampai ke kulit anggota wudhuk apabila digunakan. Dakwat ini juga tidak mengandungi bahan najis yang diharamkan syarak.



NO SOALAN : 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN KARPAL SINGH  
(BUKIT GELUGOR)

TARIKH 12.04.2012  
(KHAMIS)

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan untuk memberitahu Dewan bilangan bukan Melayu dalam Angkatan Tentera setakat 31 hb Januari, 2012.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan bukan Melayu dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) setakat 31 Januari 2012 adalah seramai 26,131 anggota, yang terdiri daripada 747 orang pegawai dan 25,384 adalah lain-lain pangkat.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      LISAN  
DARIPADA                        Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
    (SIK)  
TARIKH                              12.04.2012

**SOALAN:**

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jenis-jenis peruntukan yang diberi kepada Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan serta kadar kenaikan yang diberi dalam tahun 2010, 2011 dan 2012 kerana terdapat rungutan dari Pentadbir Sekolah bahawa peruntukan yang diberi tidak mampu untuk menampung perbelanjaan gerak kerja kokurikulum, sukan dan projek bina insan di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan, dan KPM memberi peruntukan kepada semua aliran sekolah tanpa mengira lokasi. Kerajaan juga memberikan sumbangan bantuan penuh kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan meliputi peruntukan mengurus yang merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian bantuan per kapita (PCG), dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (p&p). Sumbangan ini diberikan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut. Selain itu kerajaan turut juga menyalurkan beberapa bantuan lain termasuklah Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK), Bantuan Sukan Sekolah (BS), dan lain- lain bantuan.



Di samping itu juga, sebagai alternatif pihak sekolah boleh mendapatkan bantuan PIBG masing-masing dalam menampung perbelanjaan gerak kerja kokurikulum, sukan dan projek bina insan di sekolah sekiranya peruntukan yang diberi oleh kerajaan tidak mencukupi. Walau bagaimana pun PIBG sekolah hendaklah mematuhi garis panduan fungsi dan batasan kuasa PIBG dalam membantu pihak sekolah berkenaan seperti yang telah termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

Sehubungan itu, pihak sekolah juga adalah diingatkan supaya berbincang terlebih dahulu bagi mendapatkan persetujuan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam menentukan sumbangan PIBG yang mana sumbangan ini kelak dapat disalurkan kepada pihak sekolah. Sumbangan PIBG tidak ditetapkan oleh pihak KPM memandangkan sekolah di seluruh negara mempunyai latar belakang yang berbeza. Sumbangan PIBG adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru) 1998; kadar sumbangan ditetapkan dalam Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Soalan No :

PEMBERITAH

U  
PERTANYAAN PERTANYAAN LISAN

DARIPADA N DEWAN Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN  
RAKYAT (PADANG SERAI)

TARIKH 12.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN [ PADANG SERAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan siapakah yang membuat keputusan untuk mengadakan sekolah sesi petang di Sekolah Kebangsaan Kulim Hi-tech dan bilakah keputusan itu dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang berhasrat untuk menjadikan semua sekolah rendah dan menengah sebagai sekolah satu sesi. Dengan pelaksanaan persekolahan satu sesi ini, murid-murid dan guru dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada kegiatan kokurikulum. Di samping itu, *contact time* antara guru dan murid dapat dipertingkatkan dan ini membantu proses pembelajaran serta proses pembentukan modal insan yang seimbang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Berhubung aduan tentang bantahan persekolahan dua sesi di SK Taman HiTech Kulim, KPM sudahpun menjalankan siasatan melalui Jabatan Pelajaran Negeri Kedah. Hasil siasatan mendapati bahawa pembukaan sekolah dua sesi dibuat berdasarkan beberapa sebab, antaranya:

- a) Jumlah enrolmen murid yang semakin ramai;
- b) Keluasan bilik darjah yang terhad untuk menampung murid melebihi 40 orang;
- c) Jumlah bilik darjah tidak mencukupi. Ada 27 bilik darjah berbanding bilangan kelas pada 2012 sebanyak 32 kelas; dan
- d) Kelas pendidikan Moral dan Bahasa Cina terpaksa dijalankan di dewan terbuka.

Makluman tentang pembukaan sekolah dua sesi telah dibuat kepada waris/ibubapa/penjaga melalui notis yang dipamerkan di papan kenyataan sekolah dan juga secara lisan melalui perjumpaan dengan waris/ibubapa/penjaga. Kelulusan telah diperolehi daripada JPN Kedah melalui surat JPK(PSR) 03-07/11 Jld 2(50) bertarikh 01 Januari 2012.

Rjm 116

#### DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA

[PARIT]

TARIKH : 9 APRIL 2012

SOALAN :

SOALAN NO. S01 >

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ Parit ] minta MENTERI SUMBER AS LI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah-langkah drastik bagi menangani kegiatan pembalakan haram di negara ini sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian sebanyak RM800 hingga RM900 juta setiap tahun seperti yang dilaporkan oleh Transparency International Malaysia a wai Februari 2012 lalu.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan dua (2) lagi soalan, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Sik dan Yang BerhormatMerbok pada 12 April 2012 memandangkan soalan-soalan ini adalah berkaitan dengan isu yang sama iaitu, pembalakan haram.

Terima kasih Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerugian sebanyak RM900 juta setahun seperti mana yang dilaporkan adalah tidak tepat. Di Semenanjung Malaysia, peratusan pengeluaran balak daripada kegiatan pembalakan haram adalah terlalu kecil dan langsung tidak signifikan.

Berasaskan kepada rekod, peratusan isipadu pengeluaran kayu balak haram adalah dalam lingkungan 0.03% hingga 0.07% setahun dari tahun 2005 hingga 2010 jika dibandingkan dengan isipadu pengeluaran kayu balak sebenar bagi tahun berkaitan. Anggaran nilai kerugian akibat kegiatan pembalakan haram yang di rekod dari tahun 2004 hingga 2011 ialah RM10.7 juta.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga,

Kerajaan memandang be rat kegiatan pembalakan haram kerana kesan negatifnya terhadap biodiversiti, kualiti hutan dan alam sekitar. Bagi membanteras kegiatan ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan mengambil beberapa langkahseperti berikut:

2

- i. Menubuhkan pasukan penguatkuasaan hutan di peringkat daerah dan negeri serta *flying squad* di Ibu Pejabat Jabatan;
- ii. Mengadakan rondaan di kawasan yang berisiko tinggi (atau dengan izin, *hotspot*)berlakunya kegiatan pembalakan haram termasuk menggunakan helikopter;
- iii. Menjalankan sekatan jalan raya dari semasa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;
- iv. Menjalankan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera DiRaja Malaysia (ATM), Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) dan Suruhanjaya

JAWAPAN:

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan

- v. Memperkukuhkan lagi aspek perundangan dengan mengkaji serta meminda Akta Perhutanan Negara 1984 sedia ada dengan meningkatkan kadar hukuman dan penalti.

Selain daripada tindakan perundangan, bagi memantapkan lagi usaha membanteras kegiatan pembalakan haram, pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. menubuhkan *1NRE Enforcement Team* bagi menjalankan penguatkuasaan secara bersepadu oleh pelbagai agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE);
- ii. Menggunakan teknologi Penderiaan Jauh (atau *remote sensing*), Sistem Maklumat Geografi (Geographical Information System-GIS) dan Sistem Penentuan Kedudukan Sejagat (Global Positioning System-GPS) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan; dan
- iii. Meningkatkan kesedaran masyarakat awam mengenai kepentingan hutan serta menggalakkan masyarakat awam terlibat sebagai mata dan telinga' dengan membuat aduan kepada Kerajaan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha-usaha untuk membanteras kegiatan pembalakan haram. Ini terbukti dengan langkah-langkah yang diambil yang telah menunjukkan hasil yang positif. Berdasarkan rekod, kes pembalakan haram dalam Hutan Simpanan Kekal mencatatkan *trend* menurun iaitu, 118 kes pada tahun 2006 kepada 58 kes pada tahun 2011. Maka tidak timbul anggapan bahawa tiada kesungguhan oleh Kerajaan untuk membanteras isu ini atau membiarkannya berterusan. Dalam perkara ini, tidak ada kompromi dalam menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB. TUAN DING KUANG HUNG**

**KAWASAN SARIKEI**

**TARIKH : 12 APRIL 2012 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**YB. TUAN DING KUANG HUNG (SARIKEI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan meningkatkan kualiti sepanjang jalan raya Pan Borneo dari Bukit Kayu Malam hingga Pekan jakar sejauh 14 kilometer. Nyatakan juga kerja-kerja penambahbaikan dan perbelanjaan peruntukan kewangan sepanjang jalan raya tersebut dari tahun 2008 sehingga sekarang.

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sememangnya memberikan keutamaan tinggi untuk meningkatkan rangkaian sistem jalan raya di Sarawak, khususnya di sepanjang Jalan Persekutuan Pan-Borneo.

Ini termasuklah laluan daripada Sarikei ke Pekan Jakar dan seterusnya ke Betong sepanjang lebih kurang 100 kilometer. Cadangan untuk menaik taraf laluan tersebut daripada dua lorong sehala (single



carriageway) kepada empat lorong dua hala di laluan tersebut merupakan antara projek yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP), Fasa 2 untuk Negeri Sabah dan Sarawak (2010). Pelaksanaan projek menaik taraf laluan ini yang merupakan sebahagian daripada jajaran Jalan Pan Borneo akan dilaksanakan secara berfasa dan berperingkat-peringkat sehingga tahun 2025.

Namun demikian untuk jangka pendek, Kerajaan pada tahun ini telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM50 juta bagi melaksanakan program menaik taraf Jalan Pan-Borneo di Negeri Sarawak, termasuk di bahagian Sarikei. Pelaksanaan projek-projek kecil berimpak tinggi bernilai antara RM200,000 hingga RM2 juta ini melibatkan skop pembinaan lorong memotong, membaik pulih cerun dan kawasan mudah banjir, menggantikan jambatan kecil dan pemetung dan menaik taraf lokasi sering berlaku kemalangan (blackspot). Di Sarikei, tumpuan pada tahun ini akan diberikan untuk melaksanakan lorong memotong, iaitu di KM435 Jalan Sarikei - Betong. Anggaran kos projek tersebut dianggarkan sebanyak RM3 juta. Di samping itu kementerian ini juga akan melaksanakan projek menaik taraf lokasi blackspot, iaitu di KM427 melibatkan kos projek sebanyak RM500,000. Kedua-dua projek tersebut akan dimulakan selewat-lewatnya sebelum pertengahan tahun ini.

## JAWAPAN:

Bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini, Kementerian Kerja Raya telah selesai melaksanakan program blackspot di 3 lokasi Jalan Sarikei - Betong, iaitu di KM421, KM424 dan KM429. Keseluruhan projek tersebut melibatkan kos sebanyak RM1.5 juta. Di samping itu, kementerian ini juga telah membelanjakan sebanyak RM1.3 juta bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan Jalan Pan Borneo di bahagian Sarikei di mana projek berkenaan telah siap sepenuhnya pada bulan Februari 2012 ialu. Manakala di bawah program penyeienggaraan Jalan Persekutuan pula, sebanyak RM2.3 juta telah disediakan pada tahun ini bagi melaksanakan kerja-kerja penyeienggaraan rutin dan berkala di sepanjang laluan berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL  
KELIMA, PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DATO' SERI AZALINA BINTI OTHMAN**

**SAID**

**[PENGERANG]**

**TARIKH  
SOALAN**

**12 APRIL 2012  
65**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan yang dilakukan bagi membendung jenayah penipuan Internet yang telah mencatatkan jumlah aduan tertinggi yang melibatkan insiden keselamatan siber yang dilaporkan di negara ini awal tahun ini.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah melaksanakan inisiatif-inisiatif keselamatan siber secara bersepadu di bawah Dasar Keselamatan Siber Nasional (National Cyber Security Policy - NCSP) bagi memperkasakan ruang siber negara daripada ancaman-ancaman siber yang semakin meningkat. Di antara tindakan di bawah Dasar ini adalah :

- i) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Keselamatan Siber Nasional (National Cyber Security Coordination Committee - NC3) yang dipengerusikan oleh Majlis Keselamatan Negara di mana ahli-ahlinya terdiri daripada pelbagai kementerian, agensi dan penguatkuasa yang berkaitan untuk melaksanakan inisiatif keselamatan siber dalam melindungi Prasarana Kritikal Maklumat Negara (Critical National Information Infrastructure - CNN) di peringkat nasional;
- ii) Menubuhkan agensi khas di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu CyberSecurity Malaysia yang bertindak terhadap insiden keselamatan siber. Agensi ini telah menyediakan perkhidmatan Cyber999 yang merupakan pusat aduan setempat bagi menerima dan menguruskan aduan insiden keselamatan siber dari masyarakat awam;
- iii) Penubuhan Jawatankuasa e-Sovereignty yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bertujuan untuk menyelaras segala inisiatif di peringkat strategik berkenaan keselamatan siber;
- iv) Mengkaji semula akta yang sedia ada berkaitan dengan siber dengan tujuan memantapkan akta berkenaan supaya jenayah siber dapat dikekang dengan sebaiknya;
- v) Membangunkan Strategi Nasional untuk Program Pembudayaan dan Pembangunan Keupayaan Keselamatan Siber (National Strategy for CyberSecurity Acculturation and Capacity Building Programme) bagi meningkatkan bilangan profesional keselamatan siber dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah siber; dan

- vi) Melaksanakan aktiviti kesedaran siber di peringkat nasional menerusi seminar, persidangan, bengkel keselamatan siber dan laman web seperti CyberSAFE ([www.cybersafe.my](http://www.cybersafe.my)) bagi memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan isu keselamatan siber.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan turut menyedari bahawa jenayah siber tidak terbatas kepada persempadanan fizikal negara. Sehubungan itu, Kerajaan melalui CyberSecurity Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama keselamatan siber di peringkat antarabangsa. Di antara program kerjasama yang utama ialah:

- i) Kerjasama Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer Asia Pasifik (Asia Pacific Computer Emergency Response Team - APCERT) yang melibatkan sebanyak 27 ahli (organisasi/negara) dari 18 buah negara rantau Asia Pasifik; dan
- ii) Kerjasama Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer Persidangan Kerjasama Islam (Organization of Islamic Cooperation Computer Emergency Response Team - OIC-CERT) yang melibatkan 20 ahli (organisasi/negara) daripada 18 buah negara OIC.



**PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN**

**PERTANYAAN  
DARIPADA RAKYAT**      **JAWAB LISAN TUAN**  
**TARIKH**                      **WONG HO LENG 12**  
**SOALAN**                      **APRIL 2012 (KHAMIS)**  
   **NO.J^**

Tuan Wong Ho Leng [ Sibü ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- a) sama ada Kerajaan Persekutuan akan menubuhkan sebuah universiti penuh di Sibü bagi mengurangkan pengaliran keluar pakar dan menjadikan Sibü hab pendidikan di kawasan pertengahan Sarawak; dan
- b) biiakah Kolej Laila Taib akan dinaik taraf menjadi kolej universiti serta terma-terma dan syarat-syarat untuk penaiktarafan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dimaklumkan bahawa, pada masa ini Kerajaan telah memutuskan tidak akan menambah bilangan 20 IPTA yang sedia ada. Fokus Kementerian adalah membangunkan infrastruktur intelektual, mengembangkan R&D&I dan memperkasakan IPT sedia ada. Kementerian sebenarnya menyokong sebarang usaha untuk menjadikan sesuatu kawasan sebagai hab kecemerlangan





## II. Kriteria sokongan

- i. Visi, misi dan rasional perhubungan;
- ii. Pengurusan hal ehwal dan kebajikan pelajar; dan
- iii. Sistem jaminan kualiti dalaman.

Maklumat terperinci mengenai kriteria naik taraf boleh diperolehi di laman web Jabatan Pengajian Tinggi atau melalui link <http://jpt.mohe.gov.my/IPT/Kriteria%20Naik%20Taraf%20Kepada%20OKU%20&%20U.pdf>

NO. SOALAN: 67

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[AMPANG]

TARIKH : 12 APRIL 2012

### SOALAN

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap keberkesanan Lebuhraya SUKE-SG Besi Ulu Kelang Elevated dalam menangani masalah trafik sedangkan jumlah kereta di atas jalan bertambah setiap hari

### JAWAPAN

Cadangan Pembinaan Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang (Suke) secara penswastan telah dipersetujui secara prinsip oleh Kerajaan.

Pada masa kini, kajian terperinci dan rundingan dengan syarikat konsesi sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan. Memandangkan rundingan masih belum dimuktamadkan dan perjanjian konsesi belum ditandatangani, adalah terlalu awal (*pre mature*) bagi pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas berhubung projek ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]

TARIKH : 12 APRIL 2012

YB Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan maklumat mengenai jumlah kakitangan awam (kaum India) yang baru dilantik perbandingan daripada tahun 2008 hingga sekarang dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan lebih ramai lagi belia-belia kaum India diserapkan dalam perkhidmatan awam.

JAWAPAN: (oleh YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan salah satu daripada Pihak Berkuasa Melantik untuk memasuki perkhidmatan awam. Selain daripada SPA, terdapat Pihak Berkuasa Melantik yang lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri yang menguruskan pelantikan pegawainya di agensi masing-masing.

Jumlah pelantikan anggota Perkhidmatan Awam (kaum India) bagi tahun 2008 hingga 2011 yang dilantik di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (tidak termasuk yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik yang lain) adalah seperti berikut:

Tahun	Permohonan	Layak Temu Duga	Hadir Temu Duga	Tawaran Lantikan	% Daripada Jumlah Lantikan Keseluruhan
2011	35,653	4,666	3,242	1,581	3.39%
2010	58,002	6,502	4,339	1,994	4.49%
2009	40,504	15,171	8,598	2,402	4.73%
2008	24,815	8,952	6,106	2,367	4.52%

Adalah dimaklumkan bahawa mulai 20 Mei 2011, SPA tidak membuat sebarang pelantikan berikutan arahan kerajaan mengenai pembekuan pengambilan penjawat awam sehingga 31 Disember 2011.

Walau bagaimanapun, SPA sentiasa berusaha secara berterusan untuk menggalakkan penyertaan kaum India dalam perkhidmatan awam. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan secara berterusan adalah seperti berikut:

- (1) Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bagi Mengatasi Masalah Kekurangan Representasi Bukan Melayu;
- (2) Melaksanakan Kajian Persepsi Kerjaya Dalam Perkhidmatan Awam Di Kalangan

Masyarakat Bukan Melayu dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;

- (3) Menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Tamil dalam portal SPA ([www.spa.gov.my](http://www.spa.gov.my));
- (4) Menyiarkan “*crawlers*” mengenai urusan pengambilan jawatan di media elektronik seperti di televisyen semasa Berita Tamil serta radio Minnal fm (RTM);
- (5) Promosi kerjaya di tempat-tempat awam dan strategik; dan
- (6) Mengadakan sesi dialog bersama wakil masyarakat.

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

*NQ-AUP*∴

TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

RUJUKAN DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI  
SALLEH [ KALABAKAN ]

12 APRIL 2012

4565

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah perjudian haram yang berbagai bentuk masih berleluasa di negeri Sabah khususnya di Tawau dan yang ada ditangkap hanyalah kaki judi dan pekerjaanya sedangkan belum ada lagi dalang yang ditangkap.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah dengan mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka dibawah undang-undang yang berkaitan. Pihak PDRM juga mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram dibawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953. Mengadakan operasi-operasi berterusan seperti Ops Dadu ke atas tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjalankan aktiviti perjudian haram. Selain daripada itu pihak PDRM juga turut bekerjasama dengan agensi penguatkuasa lain dalam usaha untuk membanteras kegiatan tidak bermoral ini.

Di daerah Tawau, pada tahun 2010, sebanyak 92 serbuan telah dibuat

ke atas premis yang menjalankan kegiatan perjudian haram ini. Seramai 179 orang telah ditangkap dan rampasan sebanyak 240 mesin perjudian. Hasil serbuan tersebut sebanyak 71 kertas siasatan dibuka, 63 kes dalam siasatan dan 8 kes telah dijatuh hukum manakala selebihnya pendakwaan gagal dilaksanakan kerana kekurangan bukti.

Pada tahun 2011 sebanyak 186 serbuan telah dilakukan terhadap kegiatan perjudian meliputi judi loteri awam haram, perjudian berkomputer dan lain-lain perjudian bersindiket yang menghasilkan tangkapan seramai 175 orang dan rampasan mesin perjudian sebanyak 550 mesin. Hasil serbuan tersebut sebanyak 63 kertas siasatan telah dibuka dengan 57 kes dalam siasatan dan 6 kes telah dijatuh hukum.

Usaha dan tindakan yang bersungguh-sungguh telah dilaksanakan bagi memastikan dalang serta ketua sindiket perjudian haram di daerah Tawau tidak terlepas dari tindakan undang-undang negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH 19 MAC 2012 (ISNIN)**

**SOALAN:**



Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sebab-sebab masalah penyampaian surat-surat di kawasan luar bandar khasnya kawasan Tanjong Piai di mana posmen meletakkan surat di kedai dan warung masih berlaku sedangkan orang ramai telah meminta surat dihantar terus ke rumah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada **YB TENOM dan YB SIBUTI** bertarikh **12 April 2012** kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu **perkhidmatan pos**.

Pos Malaysia sedang melaksanakan Projek Alamat Untuk Semua di seluruh negara bagi rumah dan premis yang tidak mempunyai alamat yang lengkap. Melalui projek ini, rumah dan premis tersebut akan diberikan alamat lengkap.

Pos Malaysia Berhad telah pun melaksanakan penambahbaikan pejabat pos cawangan Tenompada bulan Februari 2012. Selain dicat semula, penambahan ruang pelanggan, kerusi, kipas dan tandas telah dilaksanakan untuk keselesaan pelanggan dan kakitangan pos. Berdasarkan rekod urus niaga, bilangan kakitangan pos masih berada pada tahap yang mencukupi untuk menampung bilangan pelanggan yang datang berurusan.

Buat masa ini, Pos Malaysia juga sedang menaik taraf infrastruktur kemudahan di cawangan-cawangannya di seluruh negara termasuklah di luar bandar. Usaha ini dibuat secara berperingkat supaya tidak mengganggu perkhidmatan kepada pelanggan dan kemampuan kewangan syarikat. Dari tahun 2010 hingga 2011, sebanyak 149 cawangan pejabat pos telah dinaik taraf.

Berkenaan dengan kemudahan mesin ATM dan Mesin Deposit Tunai (*CDM*) di pejabat-pejabat pos, penyediaannya bukan hanya bergantung kepada pihak Pos Malaysia sahaja tetapi turut bergantung dengan kerjasama daripada bank yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, para pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Khidmat Pelanggan Pos Malaysia melalui talian aduan 1-300-300-300 atau e-mel kepada [care@pos.com.my](mailto:care@pos.com.my).

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA ANYAAN	PE RT	LISAN
TARIKH		Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE (SETIAWANGSA)
		12.04.2012

**SOALAN:**

Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [ SETIAWANGSA ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam membangunkan lebih banyak lagi sekolah-sekolah agama berasrama yang dapat membangunkan generasi Ulul Amri yang berpengetahuan tinggi serta memiliki jati diri dan ilmu agama yang dapat memperkukuhkan lagi pembangunan syiar Islam di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa pada masa ini ada lima (5) kategori sekolah agama yang beroperasi dalam negara, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA); Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK); Sekolah Agama Negeri (SAN); Sekolah Agama Rakyat (SAR); dan Sekolah Agama Swasta (SAS); Daripada kategori tersebut Kerajaan Pusat melalui KPM mempunyai bidang kuasa pembangunan kepada hanya SMKA dan SABK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa berhasrat untuk menambah lagi bilangan SMKA baru dalam RMKe-10 di mana setakat ini yang telah diluluskan adalah SMKA Pagoh, SMKA Jerlun dan SMKA Kuala Lipis. Manakala negeri Terengganu, cadangan SMKA baru adalah SMKA Setiu.